

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : D daripada Imran bin Husain katanya : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang beriman, yang miskin, yang tidak suka meminta-minta sedangkan dia mempunyai anak yang ramai."

- Riwayat Al-Imam Ibnu Majah

## PENTINGNYA MEMELIHARA AKAL AGAR SENTIASA SIHAT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac.

- Tema Sambutan Nuzul Al-Quran pada tahun ini, berbunyi 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'. Pada hemat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tema ini menekankan betapa Al-Quran turut berfungsi untuk memelihara akal, di antaranya supaya akal itu sentiasa sihat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, malam tadi.

>> Muka 2

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 2).**



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

### Berita Utama



**KEMENTERIAN** Kewangan dan Ekonomi adakan Majlis Bertadarus

Muka 15



11 penerima dari 3 kampung terima sumbangan derma

Muka 18

## Anak yatim, daif terima sumbangan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BERAKAS**, Selasa, 18 Mac. - Seramai 110 orang anak yatim dan anak daif, terdiri daripada 59 orang lelaki dan 51 orang perempuan pagi tadi menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak Yatim dan Anak Dhaif anjuran Alumni / Asrama Penuntut-Penuntut Brunei di Singapura (Asrama Kerajaan Brunei di Singapura - AKBS), yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, yang juga merupakan salah seorang alumni AKBS.

>> Muka 16

## Pengagihan zakat kepada yang berhak

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Mac. - Daripada segi zakat, kalau dilihatkan dikaji daripada segi kecukupan mengikut KPInya itu daripada segi keperluan makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, jumlahnya adalah sekian-sekian. Mereka itu memang kerana tidak ada pekerjaan. Tidak ada pekerjaan kerana tidak mahu kerja atau tidak mencari bekerja atau mencari pekerjaan, payah jadi buat sementara itu masalah mereka dalam golongan asnaf fakir miskin.



"Jadi hal-hal macam *ani* adalah cabaran, bukan sahaja kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, bahkan jua kepada kementerian-kementerian yang dalam MKIS dan badan-badan seperti Yayasan sendiri. Hal-hal macam *ani* menimbulkan. Sebenarnya mengenai kemiskinan ini Pehin kalau *kan* bercerita panjang jadi kaola dapat menyebut rakan-rakan yang seusia atau lebih kurang sedikit dengan kaola untuk *menyampati*."

>> Muka 8

## Kukuhkan sektor agropelancongan, pelancongan luar bandar

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah pun memulakan usaha membangunkan aktiviti agropelancongan dan pelancongan luar bandar di negara ini.

Demikian dijelaskan oleh Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang pada hari ke-13 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

>> Muka 14



**BANTU** meningkatkan kebolehan membaca Al-Quran

Muka 24



RENCANA

**WEEKEND** Suhoor bantu para peniaga jana pendapatan sempena Ramadan

Muka 28

# KUKUHKAN KEMAHIRAN, KEBERKESANAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN AL-QURAN

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bertitah menyanankan kepada tenaga pengajar Al-Quran supaya terus mengukuhkan kemahiran masing-masing demi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran itu di kalangan para pelajar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, malam tadi.

Tenaga pengajar Al-Quran mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi ugama. Mereka, titah baginda, dianggap sebagai sebaik-baik manusia, sebagaimana dalam hadis riwayat Al-Bukhari, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari dan mengajar Al-Quran".

Baginda bertitah lagi, hadis ini secara khusus menunjukkan betapa besarnya pahala bagi mereka yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran itu.

Oleh itu, titah baginda, sangatlah diharapkan, supaya setiap pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan Al-Quran, hendaknya dapat disampaikan dengan bersungguh-sungguh oleh para guru yang benar-benar berkecintaan yang memiliki



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

semangat tinggi menghayati Al-Quran serta ilmu-ilmu di dalamnya.

"Inilah harapan beta dan harapan negara ingin melihat guru-guru yang berkaliber, khususnya guru-guru Al-Quran yang mampu untuk melahirkan generasi cemerlang dalam bidang

Al-Quran.

"Kerajaan beta insyaaAllah, akan tetap memberi keutamaan kepada bidang pengajian Al-Quran itu, selaras dengan tuntutan, supaya seluruh rakyat yang beragama Islam di negara ini pandai membaca Al-Quran," titah baginda lagi.

## Pentingnya memelihara akal agar sentiasa sihat

>> Muka 1

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, akal adalah alat satu-satunya untuk menunjukkan kita jalan yang lurus lagi sempurna dan akallah juga yang membezakan antara makhluk manusia dan lain-lain makhluk.

"Tidak diragukan lagi, akal adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat besar kepada manusia. Dengan akallah kita dapat memahami dan melaksanakan segala ajaran-Nya. Oleh itu, Al-Quran sangat menekankan betapa pentingnya, memelihara akal," titah baginda.

Dalam Al-Quran, titah baginda, terdapat ayat yang melarang kita merosakkan akal seperti melarang meminum minuman keras dan apa jua benda yang memabukkan. Titah baginda lagi, orang mabuk ketika mabuk, akalnya adalah rosak. Termasuk juga yang dilarang itu ialah menyalahgunakan dadah yang juga dilihat sebagai pasti merosakkan akal.

Terdahulu, dalam titah, baginda merakatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapatlah kita berkumpul memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran pada malam yang penuh berkat ini.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	18	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
20	KHAMIS	19	4.58	5.08	6.24	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
21	JUMAAT	20	4.57	5.07	6.24	6.46	12.29	3.36	6.31	7.40
22	SABTU	21	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	AHAD	22	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.40
24	ISNIN	23	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	SELASA	24	4.55	5.05	6.22	6.45	12.27	3.32	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	29 23 °C	30 23 °C	
Pekan Bangar 31 25 °C	29 23 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong 30 25 °C	29 24 °C	30 23 °C	
Kuala Belait 31 25 °C	30 24 °C	30 24 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

19 MAC 2025

### Al-Quran semakin banyak dibaca, semakin banyak hikmahnya

**D**ALAM bulan Ramadan, terdapat satu malam yang amat istimewa dan bersejarah bagi seluruh umat Islam iaitu peristiwa Nuzul Al-Quran. Ia berlaku pada malam 17 Ramadan di Gua Hira. Nuzul Al-Quran memberi maksud penurunan ayat-ayat suci Al-Quran sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam.

Al-Quran merupakan mukjizat paling besar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan telah menjadi panduan penting bagi umat Islam sepanjang zaman. Adalah diwajibkan bagi seluruh umat Islam beriman terhadapnya kerana ia termasuk di dalam Rukun Iman yang ketiga.

Membaca Al-Quran pada waktu malam adalah antara waktu yang afdal dan dianjurkan berbanding pada waktu siang. Pada malam hari, waktu yang afdal ialah separuh akhir daripada malam berbanding separuh awal malam, semasa waktu sahur dan di antara waktu Maghrib dan Isyak. Manakala pada hari siang pula, waktu yang afdal adalah selepas Subuh.

Oleh itu, sangat wajar untuk kita memperbanyakkan membaca Al-Quran, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan ini. Menyibukkan diri atau memenuhi masa yang terluang dengan membaca Al-Quran adalah amalan yang dianjurkan oleh agama. Ini kerana membaca Al-Quran itu adalah ibadat yang lebih utama sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Nu'man bin Basyir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud, "Ibadat umatku yang paling afdal adalah membaca Al-Quran". (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

Selain itu, perlu juga dijaga kesempurnaan bacaan Al-Quran, baik daripada segi hukum tajwid dan makhraj huruf. Bagi mereka yang masih kurang lancar atau bacaan sering kali tersangkut-sangkut, kita juga disarankan untuk meneruskan pembacaan Al-Quran kerana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan motivasi dengan menyatakan, golongan itu akan mendapat dua kali pahala berbanding orang yang lancar.

Oleh itu, janganlah kita beralasan tidak rajin membaca Al-Quran kerana tidak mahir atau tidak lancar membaca Al-Quran. Kita hendaklah mengetahui bahawa bagi mereka yang membaca Al-Quran itu, sama ada mahir ataupun tidak tetap mempunyai kelebihan. Ini dijelaskan di dalam Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Daripada 'Aisyah Radiallahuanha, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : orang mukmin yang mahir membaca Al-Quran, maka kedudukannya di akhirat ditanami para malaikat yang mulia. Dan orang yang membaca Al-Quran padahal dia gagap sehingga sulit baginya membaca, maka dia mendapat dua pahala".

Begitulah hakikat Al-Quran, semakin ia dibaca, semakin banyak hikmah atau pengajaran yang diperoleh. Kita tidak akan sesat selagi mana berpegang teguh kepada Al-Quran apa lagi dengan kita yang sekarang ini hidup yang penuh liku dan cabaran.

Justeru, jangan biarkan waktu kosong dibiarkan tanpa membuat sebarang perkara bermanfaat. Jiwa orang yang sering berdamping dengan Al-Quran juga akan sentiasa tenang dan lapang. Selain itu, rumah yang didalamnya dibaca Al-Quran akan diberkati selain malaikat turut memenuhi rumah berkenaan. Begitulah keberkatan Al-Quran yang menjadi penyuluh kepada umat Islam. Ia boleh membersihkan jiwa manusia, penawar hati dan fikiran serta membentuk keluarga soleh. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malam tadi berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama, paduka - paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri

Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H; Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji

Metussin, selaku Pengendali Bersama Majlis; dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H.

Aturcara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Setelah itu, Sembah Alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446H yang antara lain menjelaskan bahawa Sambutan Nuzul Al-Quran menjadi platform penting dalam memperkukuh keislaman Negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sembah alu-aluannya.

Brunei Darussalam sebagai negara yang mendukung konsep Islam *rahmatan lil'aalamin*.

>> Muka 4



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar kanan dan kanan sekali, persembahan Pemenang Terbaik daripada setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan dan Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

>> Muka 3

Selain itu, ia menggalakkan perpaduan dan keharmonian masyarakat, sejajar dengan usaha membangun negara secara seimbang tanpa mengorbankan kedaulatan, di

samping prinsip kerjasama dalam kebajikan dan ketakwaan, menjadi asas dalam menolak kejahatan dan permusuhan demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Sejurus selepas itu, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah. Majlis kemudian diteruskan lagi dengan Pemakluman Keputusan

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H dan Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota

MABIMS Tahun 1446H yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

>> Muka 5



SEKITAR majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas, atas sekali kiri, atas sekali kanan dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika beramah mesra bersama para peserta musabaqah dan keluarga (atas, kiri, bawah kiri dan bawah kanan).

menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada semua peserta.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah ialah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada

tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS; dan Imagine Sdn. Bhd.

>> Muka 4

Majlis kemudiannya diserikan dengan Persembahan Pemenang Terbaik daripada setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya

Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H dan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446H.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan



PADUKA-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa beramah mesra dan berkenan bergambar ramai bersama para peserta musabaqah dan keluarga (kiri dan bawah).



# PEMAKLUMAN PEMENANG MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan bagi Kategori 'A', Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri dan johan bagi Kategori 'B', Dayang Nur Abidah Bazilah binti Haji Rosmin (kiri dan kiri sekali).

berjumlah BND3,500; BND2,500; dan BND2,000.

Kategori 'E' pula ialah Menghafaz 30 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 30 beserta Pemahaman Surah Ali-Imran dan Surah An-Nisa, yang mana johan kategori berkenaan disandang oleh Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim dengan memperoleh markah 98.48 peratus, sementara naib johan disandang oleh Awang Mohamed Shalmie bin Mohamed Shalahudeen dengan memperoleh markah 97.66 peratus, dan berada di tempat ketiga ialah Dayangku Nuroh Hafazah binti Pengiran Haji Tejudin dengan memperoleh markah 97.21 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'E', masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND5,000 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND3,500 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND2,500.

Dalam pada itu, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446H juga menyaksikan pemenang bagi Kategori 10 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Juz 10 yang dijuarai oleh Hanin Mashlahah dari Republik Indonesia dengan memperoleh markah 97.27 peratus.

Sementara naib johan dimiliki oleh Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan markah 95.41 peratus, manakala tempat ketiga jatuh kepada Aisyah Nabihah binti Noor Hisham dari negara Malaysia dengan memperoleh markah 93.75 peratus.

Bagi Kategori 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Juz 24 pula menyaksikan johan disandang oleh Muhammad Haikal Al Ghifari dari Republik Indonesia dengan memperoleh markah 98.32 peratus, sementara naib johan dijuarai oleh Muhammad Rifa'i bin Mat Zuki dari negara Malaysia dengan memperoleh markah 94.93 peratus, dan tempat ketiga jatuh kepada Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh dari NBD dengan memperoleh markah 88.50 peratus.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa diserikan dengan Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H dan Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446H.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada semua peserta.

Terdahulu, Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H dan Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446

Hijrah telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Bagi Kategori 'A', iaitu Menghafaz 1 Juz Al-Quran iaitu Juz 30 dan berserta Pemahaman Juz 30 Terbuka kepada peserta yang lahir pada tahun 2012 dan selepasnya, yang mana johan disandang oleh Dayang Nur Sofiyah Solehah binti Mohammad Fikri dengan memperoleh markah 98.59 peratus.

Naib Johan, Dayang Alya Sofiyah binti Abdul 'Azim dengan memperoleh markah 98.48 peratus, diikuti tempat ketiga, Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri dengan memperoleh markah 98.41 peratus.

Para pemenang bagi Kategori 'A', masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND1,500 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND1,000 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND750.

Kategori 'B' pula ialah Menghafaz Surah-Surah Pilihan iaitu Surah Luqman, Surah

As-Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ad-Dukhan, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Jumu'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Jinn dan Surah Al-Insaan dan berserta pemahaman Surah Al-Qasas dan Surah Al-Ankabut.

Johan disandang oleh Dayang Nur Abidah Bazilah binti Haji Rosmin dengan memperoleh markah 98.08 peratus, sementara naib johan jatuh kepada Dayangku Wajihah binti Pengiran Khairul Nazri dengan memperoleh markah 97.60 peratus, dan tempat ketiga dengan memperoleh markah 97.24 peratus ialah Awang Ahmad Dhabit bin Haji Abdul Lamit.

Para pemenang bagi Kategori 'B', masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah BND2,000 untuk johan, manakala naib johan menerima wang tunai berjumlah BND1,500 dan di tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,200.

Sementara bagi Kategori 'C' terbuka kepada semua peringkat umur, iaitu Menghafaz 3 Juz Al-Quran iaitu Surah Al-Baqarah dan Surah Ali-Imran berserta Pemahaman Surah Yusuf, Surah Ar-Ra'ad dan Surah Ibrahim, yang mana johan pertandingan disandang oleh Awang Abdul Matin bin Zulnorenin dengan memperoleh markah 97.80 peratus, sementara naib johan jatuh kepada Awang

Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi dengan memperoleh markah 97.02 peratus, dan tempat ketiga dimiliki oleh Awang Mohammad Ahmed Maahee bin Haji Samry dengan memperoleh markah 96.70 peratus.

Johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND2,800, hadiah iringan dan sijil penyertaan, diikuti dengan naib johan menerima wang tunai berjumlah BND2,000, hadiah iringan dan sijil penyertaan, dan tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,500, hadiah iringan dan sijil penyertaan.

Bagi Kategori 'D' pula ialah Menghafaz 15 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 beserta pemahaman Surah As-Saffat, Surah Sad dan Surah Az-Zumar, dan terbuka kepada semua peringkat umur. Johan kategori berkenaan dijuarai oleh Dayang Nur Kamaliah binti Haji Jahari dengan memperoleh markah 98.51 peratus, sementara naib johan memperoleh markah 98.16 peratus, disandang oleh Dayang Nur Najihah binti Alias, dan tempat ketiga ialah Dayangku Nurfaiezah binti Pengiran Haji Kamaluddin dengan memperoleh markah 96.35 peratus.

Johan, Naib Johan dan pemenang di tempat Ketiga bagi Kategori 'D', masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan Kategori 'C', Awang Abdul Matin bin Zulnorenin; johan Kategori 'D', Dayang Nur Kamaliah binti Haji Jahari; johan Kategori 'E', Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim; johan Kategori 10 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Juz 10, Hanin Mashlahah dari Republik Indonesia; dan johan Kategori 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahaman Juz 24, Muhammad Haikal Al Ghifari dari Republik Indonesia (atas kiri, atas kanan, bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan).



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## FOKUS STRATEGIK UTAMA KHEU



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Dalam tempoh lima tahun, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah melaksanakan rancangan strategiknya bagi Tahun 2020 - 2024 yang memfokuskan kepada tiga fokus strategik utama. Pertama, Pendidikan Agama / Arab Berkesan; kedua, Dakwah Mantap Berkesan; dan ketiga, Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial Terjamin.

Dengan ketiga-tiga ini dengan menetapkan 13 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang mengukur pencapaian tugas dan tanggungjawab dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai inisiatif dalam menjayakan perancangan yang ada.

Seterusnya, Fokus Pendidikan Agama / Arab yang berkesan itu, secara keseluruhannya pada tahun 2024 boleh dikatakan berjaya mencapai sasaran KPI yang ditetapkan khususnya

dalam bidang, dalam peningkatan tahap kompetensi guru, tahap pencapaian dalam peperiksaan-peperiksaan awam dan bilangan yang hafaz Al-Quran.

"Manakala bagi Fokus Dakwah Mantap Berkesan, Alhamdulillah perkembangan dakwah terus diperkasa dan diperkukuhkan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan pendekatan sesuai dengan trend semasa yang ada. Dalam pada itu, pihak kementerian melihat perlunya usaha-usaha yang berterusan dengan mengambil kira sasaran, persekitaran dan cabaran-cabaran baharu."

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sesi Kenyataan Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

"Yang keempat, ialah berkaitan mengenai Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial Terjamin. KHEU sebagai peneraju bersama

dalam Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial (MKIS) akan terus komited untuk mendepani cabaran-cabaran bagi memastikan kesejahteraan dan kemasyarakatan masyarakat akan terus diambil perhatian sewajarnya. Secara umumnya pencapaian adalah baik dan mencapai sasaran yang ditetapkan khususnya dalam hal ehwal mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah," ujar Yang Berhormat.

Dalam menyentuh kembali sebahagian KPI iaitu pencapaian KPI 2020 hingga 2024, pertama, dari segi Fokus Strategik Pendidikan Agama / Arab Berkesan. Peratus pengajaran yang mencapai tahap tiga ke dalam Brunei Teachers' Standard iaitu *performance appraisal* atau yang bersesuaian adalah sebanyak sasarannya 83 peratus lebih tetapi pencapaiannya kurang daripada itu.

"Namun, tidaklah jatuh sampai kepada 50 peratus, pencapaiannya adalah 79.6 peratus. Keterangannya adalah program-program perkembangan profesional guru yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur, yang hala tuju bagi meningkatkan kecemerlangan tenaga akademik pengajar melalui latihan dan bimbingan yang berstruktur.

Yang kedua, peratus sekolah pada tahap ketiga ke atas dalam penilaian standard sekolah iaitu sasaran 91 peratus, pencapaian

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

adalah 94.7 peratus iaitu pemantauan berterusan dilaksanakan daripada segi kemajuan pelajar, kepimpinan pentadbir sekolah dan prasarana sekolah yang hala tuju bagi mengukuhkan kepimpinan yang berkarisma dan berprestasi tinggi dalam setiap peringkat pendidikan.

Yang ketiga, ialah peratus peningkatan pencapaian Peperiksaan Awam 2024 STPUB sebanyak 45.65 peratus, SPUB 21.6 peratus, SSRU sebanyak 68.1 peratus tapi pencapaian yang ada ialah menunjukkan suatu peningkatan. STPUB dalam sasaran 45 peratus, maka pencapaiannya adalah 52.88 peratus," ujar Yang Berhormat lagi.

Pelaksanaan program-program ini, pencapaian ini daripada SPUB sasaran 21 peratus, ujar Yang Berhormat, pencapaiannya kurang sedikit peratusnya tapi masih 21.45 peratus. Cuma SSRU yang disasarkan sebanyak 68.1 peratus, pencapaian kurang daripada itu iaitu 65 peratus.

Jadi, tambah Yang Berhormat, pelaksanaan program-program peningkatan telah dilakukan untuk memberikan pelajar motivasi dan juga kepada guru-guru. Kemudian peningkatan pelajar yang Khatam Al-Quran

disasarkan 59 peratus, maka pencapaiannya Alhamdulillah 95 peratus. Jadi, peningkatan ini adalah satu pencapaian luar biasa.

"Faktor utamanya ialah yang menyumbang kepada kejayaan besar ini seperti kaedah hafazan yang lebih efektif, penekanan kepada motivasi pelajar dan sistem pemantauan yang lebih ketat daripada pihak institut. Hala tuju ialah bagi meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan institusi-institusi yang lain dalam bidang yang sama.

Begitulah juga peningkatan daripada peningkatan graduan peringkat Sarjana dan Sarjana Muda dengan kepujian adalah meningkat. Sasaran 95.97 peratus bagi MA Sarjana, bagi Sarjana Muda 98.83 peratus tapi pencapaian bagi Sarjana ialah 100 peratus dan bagi Sarjana Muda adalah meningkat sedikit peratusnya daripada 98.83 peratus menjadi 98 peratus, kurang daripada peratusnya.

Jadi semuanya ini kalau dikira daripada segi bidang pendidikan itu nyatanya memanglah ada peningkatan dan ada penurunan ada *plus* ada *minus*. Tetapi pada keseluruhannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua adalah pada tahap yang boleh dikatakan baik," ujar Yang Berhormat.

## KHEU dalam menjamin kesejahteraan masyarakat

Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Kemudian pelaksanaannya, pelaksanaan program-program yang diadakan di masjid menjadikan tarikan untuk kehadiran yang bertambah. Kemudian peningkatan kompetensi dan kualiti bagi pegawai-pegawai masjid. Hal-hal itu juga walau bagaimanapun ialah bagi melaksanakan program kefahaman Islam secara berterusan ada dibuat. Kemudian meningkatkan kompetensi pendakwah dengan metodologi dan kerjasama sinergi dari agensi-agensi dakwah dalam dan luar negara.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sesi Kenyataan Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

"Yang kedua, dalam Fokus Strategik Dakwah yang Mantap ini ialah jumlah peningkatan penyertaan belia dalam program keagamaan belia. Ini sangat menggembirakan, iaitu tambahan 200 belia yang boleh dikatakan terlibat kegiatan-kegiatan yang teratur dan tersusun bagi belia-belie bagi memantapkan mereka jangan

sampai terpengaruh apa yang diajarkan dari luar *mainstream kitani*.

Dan Alhamdulillah, ada program-program yang tertentu dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah. Tambahan belia setakat ini adalah dalam perkiraannya adalah lebih 1,000 dalam kumpulan tersebut dalam berbagai - bagi nama. Pelaksanaan program bengkel yang dengan bengkel dan aktiviti yang melibatkan belia. Semuanya ini, Alhamdulillah mendapat kerjasama. Ada yang daripada institusi pengajian tinggi, diambil ataupun memberikan kerjasama sebagai mentor - mentor kepada kumpulan-kumpulan belia. Jadi dengan itu mereka adalah terpinpin, Alhamdulillah.

Peningkatan muaf sahaja agak dipersoalkan di sini barangkali Pehin. Dalam tahun 2024, sebelum masuknya tahun 2024 itu, muaf adalah setiap tahun didaftarkan 500 orang. Jadi berdasarkan *atu* pada tahun 2024 pun disasarkan sedemikianlah. Tapi ternyata pada tahun 2024 itu, cuma terdaftar sebanyak 319 orang. Ini satu cabaran, mengapa? Jadi setakat ini data yang terkumpul belum sempurna terutamanya sekali dirujuk pada tahun-tahun sebelum ini, apa namanya *atu*, orang-orang yang masuk Islam secara keluarga. Jadi satu keluarga mungkin membawa dua orang, tiga orang, jadi kalau

bilangan 100 menjadi 200, 300. Kalau, jadi semua akan diasasat," ujar Yang Berhormat lagi.

Jadi yang kedua, tambah Yang Berhormat ialah kemungkinan itu pada tahun-tahun sebelum itu daripadanya orang pendatang-pendatang yang bekerja di sini dengan Pas Sementara yang bekerja di sini, jadi melihat pada kemudahan-kemudahan bukan lagi kemudahan dikatakan keistimewaan dengan adanya, apa *ani*, sugu hati kepada orang yang memeluk Islam dan kalau pada Hari Raya mungkin atau memang mendaftar di masjid-masjid, mereka akan dapat agihan Hari Raya.

"Jadi kalau mereka tinggal di sini dua tahun maknanya bolehlah *bisdia* dapat. *Atu* sebagai andaian jua Pehin tapi data-datanya yang sempurna akan didapatkan dengan sebaiknya. Kerana sasaran 500 sebelumnya itu menjadi 319 adalah agak juga mengejutkan," jelas Yang Berhormat.

"Peratus penduduk yang menunaikan haji bagi pertama kali terus-menerus disasarkan 80 peratus dan dicapai pun 80.3 peratus pada tahun 2024. Jadi strategi yang ketiga kalau kaola sebutkan ialah Jaminan Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial. Ini sebagaimana yang kaola nyatakan tadi kementerian adalah peneraju dan sebahagian peneraju bersama kepada Majlis Kebangsaan Isu-isu Sosial.

Jadi tanggungjawab kementerian dalam hal *ani*,

komitmen kementerian dalam hal ini adalah memang teguh untuk bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain terutama sekali Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yangdi sana ada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Dalam perkiraan fokus mengenai orang yang dinamakan, apa namanya *tu*, yang patut dijamin kesejahteraan sosialnya daripada segi kecukupan kehidupan mereka. Peratus asnaf fakir miskin yang berjaya dalam latihan-latihan ertinya dikeluarkan daripada apa namanya *tu*, kepompong kemiskinan. Disasarkan pada tahun 2024, 65 peratus daripada yang terlatih itu telah berjaya tetapi pencapaiannya seperti dalam sesi yang lalu yang kaola sebutkan tidaklah begitu menggalakkan, bahkan 65 peratus turun kepada 56 peratus," jelas Yang Berhormat.

Jadi cabarannya, jelas Yang Berhormat, masih jua di sana sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah untuk menyediakan *mindset* bagi melepaskan diri *atu* datang daripada mereka sendiri. Program-program yang *kitani* sediakan ada. Tapi kalau *mindset* mereka tidak bersedia untuk mengikuti program-program itu, itu menjadi masalah. Macam namanya orang *able-bodied* masih jua akan bergantung kepada bantuan-bantuan.



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Dalam menyentuh kembali sebahagian KPI iaitu pencapaian KPI 2020 hingga 2024, yang kedua, Fokus Strategik Dakwah Mantap Berkesan. Pertama, daripada segi peratus peningkatan jemaah masjid iaitu pada tahun 2023 didapati peningkatan itu sekadar 2 peratus tapi pencapaian pada tahun 2024 pada tahun 2023 yang dikira diketahui pada tahun 2024 melebihi daripada jumlah tersebut iaitu 200 pada tahun 2024 masih dalam proses pengumpulan data.

Yang diberikan keterangan di sini ialah bagi mewujudkan prasarana masjid yang kondusif dan mesra pengguna. Yang telah pun diisikan masalah pengguna sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA YANG BERHAK

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

>> Muka 1

"Sebenarnya kalau dikira-kira pada tahun 60an, 70an untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat pada masa itu, *kan* mendapatkan orang yang susah *kan* dibantu, pegawai-pegawainya turun ke kampung-kampung, berjumpa ketua kampung bertanya siapa di kampung *biskita ani* yang dapat bantuan-bantuan? lalah kalau yang orang tua kebetulan atau orang yang ada berpenyakit tertentu dan sebagainya. Tetapi orang yang daif hidupnya, pendapatannya *inda mau* tampil ke hadapan. Malu untuk menamakan dirinya sebagai fakir atau miskin malu."

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Sesi Kenyataan Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

"Dan bahkan keluarga sendiri, keluarga-keluarga di sekitarnya yang agak berada sedikit pun memang berasa malu. "Jangan kamu *inda tantu-tantu kan* memohon, memalukan". Jadi *ani* suatu sikap, tapi sikap ini tiba-tiba berubah, ya, kalau barangkali kajian-kajian tertentu

menunjukkan perubahan itu adalah perubahan cara hidup *kitani* di samping dengan perubahan pendapatan dan mungkin dengan hal-hal itulah.

Tapi satu faktor yang masih kaola ingat pada tahun, sebelum tahun 2009, iaitu faktornya pada masa itu wang zakat terkumpul lebih ratusan juta Pehin, sangat banyak. Bukan tidak diagihkan tetapi penagihannya kepada orang-orang miskin bilangannya sedikit, kepada muafal bilangannya sedikit.

Tetapi yang terkumpul yang tidak dibelanjakan ialah *fisabilillah* kerana dalam asnaf zakat *atu* lapan. *Kitani* di Brunei cuma enam, jadi *fisabilillah* *atu nda kitani* menggunakannya dan Ar-Riqab, orang yang, *nya* orang *kan* membebaskan dirinya daripada perhambanya *kitani*. Jadi jumlah-jumlah *atu* terkumpul sekian lama di samping jumlah orang yang kira-kira daripada fakir miskin dan muafal walaupun sedikit," tambah Yang Berhormat lagi.

Tetapi, oleh kerana masyarakat *kitani* ada satu hajat besar, mengetahui ada orang miskin, jelas Yang Berhormat, mengetahui ada zakat yang terkumpul, daripada segi hukum adalah salah, salah bagi negara, bagi kerajaan, menyimpan zakat, menahan zakat tidak dibahagikan kepada orang-orang yang ada, orang-orang yang berhak menerimanya.

Maka kerana itulah, jelas Yang Berhormat, *kitani* ada semboyan,

agihkan zakat yang ada kepada orang-orang yang berhak dan disediakan senarai-senarai yang berhak, mana yang itu, maka, dengan mengetahui ada jumlah yang sebanyak sekian-sekian, maka ramailah orang yang tampil untuk mendapat agihan zakat, sudah berubah.

"Walau bagaimanapun, tidak semua mereka itu lulus kerana penyelidikan yang mendalam berbulan-bulan telah dilakukan. Bagaimanapun mereka akhirnya lulus dan telah itu didaftarkan. Maka daftar itu menyatakan fakir miskin, jadi *kitani* ada semboyan akan membebaskan Brunei daripada kemiskinan walaupun sehari dengan zakat.

Maka pada tahun 2009, zakat telah diagihkan terus sebegitu banyak dan bukan saja fakir miskin bahkan orang yang Al-Gharimin, yang menanggung hutang tertunggak kepada agensi yang *anulah*, macamnya Al-Gharimin, Rancangan Perumahan Negara tertunggak sekian lama maka diberikan bantuan, diberikan agihan.

Begitu juga rumah yang mereka diami di Kampung Bolkih, Perumahan Yayasan pun juga diberikan peruntukan sekian. Kemudian diperuntukkanlah sekian, kaola masih ingat lagi untuk Al-Gharimin bagi tunggakan rumah sahaja sebanyak BND16 juta dan pada masa itu dibelanjakan tidak pun sampai ¼ kerana perkiraan awal, kalau mereka duduk di rumah yang masih sekian lama sudah tetapi tertunggak, belum terbayar, tunggaknya dibayar, *plus* bayaran ke hadapan sehingga

membebaskan dirinya daripada hutang-piutang seterusnya dan rumah itu akan menjadi miliknya. Tapi hukum, hukum tidak mengizinkan sedemikian. Apa yang Gharimin itu ialah terhutang, apa yang ia terhutang ialah yang tertunggak," jelas Yang Berhormat.

Kemudian mengenai hutangnya ke hadapan, tambah Yang Berhormat, itu akan diketahui kemudian boleh jadi nasib keluarga itu akan berubah, anaknya dapat bekerja dan sebagainya-sebagainya.

"Jadi itulah menjadikan, *inda, apani* bahagian peruntukan BND16 juta itu tidak habis sampai sekarang Yang Berhormat Yang Di-Pertua, masih ada lagi peruntukan Al-Gharimin bagi perumahan. Kemudian ada lagi peruntukan yang diperuntukkan, untuk apa namanya tu membangun rumah, menggantikan rumah-rumah yang *kumuh*, rumah *kumuh*, rumah yang daif benar-benar. Jadi peruntukan pada masa itu, ada perkiraan - perkiraan sebuah rumah BND50 ribu," jelas Yang Berhormat.

Maka untuk menghadapkan, ujar Yang Berhormat mendapatkan sebanyak 500 buah disediakan dalam jumlah BND25 juta *plus* rancangan-rancangan perumahan yang, rancangan - rancangan yang sedang dibuat, yang sedang berjalan. Maka ada sudah jumlah BND30 lebih juta. Jadi semuanya ini digunakan daripada tabung, daripada kumpulan zakat.

"Jadi kaola rasa, anilah perubahan yang mendadak, yang



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

diistilahkan *nya* orang *floodgate*, runtuh, *floodgate*. Jadi bila runtuh *floodgate* inilah mula orang tidak segan-segan lagi merasa kalau susah, miskin ke JAPEM, kalau susah lagi miskin ke Bahagian Baitulmal disebut mereka pada masa *atu* Majlis Ugama Islam Brunei.

"Jadi hal-hal sedemikian itulah yang sekarang *ani kitani* hadapi. Tapi sebenarnya, penyelidikan-penyelidikan pegawai untuk menyiasat mereka itu layak atau tidak memang menunjukkan, menunjukkan kelayakan-kelayakan untuk mereka termasuk dalam golongan yang memerlukan, setelah fakir miskin yang memerlukan perumahan, yang memerlukan sewa rumah dan sebagainya. Maka sedemikian itu terjadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai perkara *ani*," jelas Yang Berhormat.

## Kutipan tabung khas untuk kegunaan, keperluan masjid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Peruntukan takmir masjid ada disediakan pada tahun ini, dan apakah kegunaannya? Kegunaan yang dinamakannya takmir masjid itu sejumlahnya ada juga disebutkan BND19 juta tapi hampir ke 90 peratus adalah untuk emolumen atau gaji, selebihnya adalah untuk program - program masjid. Program masjid yang utama ialah Program Muqaddam, belajar Muqqadam dan belajar Al-Quran setiap Jumaat.

Di mana melibatkan lebih 658 orang tenaga pengajar. Yang demikian juga, program yang tetap *ani* ialah Program Muslimah, Bimbingan Muslimah. Jadi banyak masjid melaksanakan program-program ini dan *atulah* biayanya, membiayai, biyai bagi tenaga-tenaga pengajar dan juga program-program, selain daripada *bisdia* belajar ada majlis-majlis yang mereka adakan.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

"Sementara takmir masjid sendiri ada peruntukan, peruntukan pejabat, mereka boleh meminta, meminta berdasarkan apa rancangan, apa programnya yang akan mereka laksanakan. Tapi takmir masjid *atu*, itulah, ada garis panduannya.

Macam *atu* jua, takmir masjid, malah dibolehkan untuk menggunakan hasil kutipan tabung masjid khas, tabung masjid khas untuk kegunaan masjid dengan secara berpanduan bahkan digalakkan iaitu antaranya ialah kalau perkara-perkara kecil kerosakan

masjid, gunakanlah tabung itu.

Janganlah gunakan semata-mata jamuan-jamuan, jamuan kerana bermesyuarat ataupun kerana majlis-majlis. Jadi

*atulah* yang dapat kaola, yang kaola terangkan dalam perkara *ani* untuk ia telus diketahui bukan saja oleh Yang Berhormat, oleh yang berkenaan bertanya,

menyampaikan pertanyaannya kepada Yang Berhormat dan kepada siapa-siapa yang di luar. InsyaaAllah, ia telus," ujar Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# MEMBUKA POTENSI HALAL LEBIH BESAR

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Darussalam (UBD) dan bahkan kakitangan atau pegawai-pegawai Bahagian Makanan Halal ini menjadi sumber *resource* maklumat.

"Mereka dihadirkan dalam acara-acara untuk meningkatkan pengetahuan mengenai halal dalam kalangan UTB, ITB dan IBTE. Lagi untuk mengetahuinya bukan sahaja kegunaan akademik bahkan juga bagi kegunaan kalangan yang akademik itu sendiri untuk mengetahui lebih tepat jadi mereka ini sebagai sumber pengetahuan," tambah Yang Berhormat lagi.

Ugama, KUPU SB untuk menyediakan dari segi kemahiran dalam perkara ini, latihan-latihan kemahiran. Kemudian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan Halalan Thayyiban yang ada di pengajian mereka mempunyai kolaborasi dalam mengembangkan keperluan-keperluan pengajian tersebut termasuklah masa *ani* beberapa kakitangan yang diperlukan, macam *atu* juga Universiti Brunei

peruntukannya diserapkan kepada jabatan. Dan satu lagi untuk Yang Berhormat Pehin, ia mempunyai saranan yang sangat relevan dan saranan itu kebetulan pula sedang berjalan, dilaksanakan oleh pihak kementerian iaitu supaya mengenai halal *ani* membuka potensi yang lebih besar kepada kajian - kajian, penyelidikan-penyelidikan iaitu di pusat-pusat pengajian tinggi untuk membuat kajian.

"Sebenarnya, sekarang ini sudah berjalan tu Pehin, ertinya bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di Kementerian Hal Ehwal

**"MEREKA dihadirkan dalam acara-acara untuk meningkatkan pengetahuan mengenai halal dalam kalangan UTB, ITB dan IBTE. Lagi untuk mengetahuinya bukan sahaja kegunaan akademik bahkan juga bagi kegunaan kalangan yang akademik itu sendiri untuk mengetahui lebih tepat jadi mereka ini sebagai sumber pengetahuan," tambah Yang Berhormat lagi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Peruntukan memang ada termasuk dalam Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) malah ia mempunyai bahagian-bahagian, ada lima atau enam, termasuklah Bahagian Pemakanan, BKM. Jadi jumlah yang semuanya ada di dalam JHES termasuk *emolument* dan program-programnya yang berulang-ulang adalah dalam kumpulan tersebut.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, mengenai pemakanan dan barang halal tahun lepas ada peruntukannya tahun ini atau tidak, apa yang terjadi?

"Jadi maknanya bukannya *nada* peruntukan, tapi



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

# Pelan hala tuju pastikan ekosistem pelancongan efisien, lancar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Dengan adanya Kampung Budaya ini akan dapat mengelakkan daripada pelancong-pelancong terpaksa berjalan jauh bagi menikmati dan juga melawat ke puak-puak asli iaitu tujuh puak asli di Negara Brunei Darussalam. InsyaaAllah, perkara ini akan dilihat, akan dirunding dengan juga relevan kementerian akan kesesuaiannya dan jika, insyaaAllah kalau ada tempat yang sesuai akan

dipertimbangkan.

Demikian yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing berkenaan dengan satu cadangan bagi mengadakan satu kawasan khas sebagai Kampung Budaya.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin

Haji Ibrahim mengenai dengan penyediaan agensi-agensi untuk memastikan ekosistem yang ada ketika ini untuk memajukan industri pelancongan berjalan dengan lancar dan efisien.

"Ini memang andang macam 'atulah' rasa hati dan juga niat kementerian ini untuk memastikan bahawa proses ketibaan pra *arrival* dan hingga *arrival* dan seterusnya masa di Brunei dan terus balik *atu* berjalan dengan lancar.

"Jadi sebagai usaha kementerian-kementerian, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam melaksanakan pelan hala tuju telah pun menjadi *guideline principle* untuk memastikan the *whole ecosystem* di *take into consideration*. Jadi terdapat empat *working committee* ditubuhkan di mana Working Committee on Connectivity, Infrastructure, Manpower and also Product Enhancement untuk melihat the *whole value system ani* untuk memastikan bahawa tidak ada *gaps* dalam ekosistem



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

yang ada.

"InsyaaAllah dengan adanya jawatankuasa *ani* yang bertanggung, yang apa *ani*, yang melibatkan agensi - agensi berkenaan, *immigration* dan juga apa namanya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah dan juga para pihak hotel dan juga, apa namanya, penyedia - penyedia produk pelancongan akan dapat terlibat membincangkan dan mengatasi sebarang cabaran yang dihadapi di sana," ujar Yang

Berhormat.

Dari segi meningkatkan kapasiti dalaman, ujar Yang Berhormat, memang diakui KSSUP mempunyai jabatan yang kecil dalam kemajuan pelancongan ini, memang akan terus diusahakan untuk meningkatkan lagi kapasiti dengan *innovative ways to enhance and enable the capacity* itu diperkembangkan dengan menggunakan teknologi yang ada.

Dari segi mengukuhkan infrastruktur, tambah Yang Berhormat lagi, memang dalam Rancangan Kemajuan Negara terdapat dua projek pengukuhan infrastruktur asas dan kemudahan awam tempat-tempat menarik pelancongan di negara ini serta meningkatkan industri pelancongan di negara ini yang mana peruntukannya masa ini rendah. Tapi insyaaAllah, kalau sekiranya *we are ready to implement* usulnya *ready to implement we will go back to the* jawatankuasa untuk memohon peruntukan tambahan bagi membolehkan projek-projek ini dilaksanakan pada tahun ini.



**AHLI** MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# GALAKKAN INDUSTRI IKAN HIASAN UNTUK BERKEMBANG



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Mac. - Sebenarnya aktiviti perikanan, ternakan ikan hiasan termasuk dalam industri ternakan ikan air tawar yang hanya menyumbang kepada 1 peratus kepada hasil keseluruhan industri akuakultur. Hasil industri ini meningkat 29 peratus daripada BND14 juta pada 2023 kepada BND4.18 juta pada 2024.

Walaupun tumpuan utama sektor ini adalah kepada ikan bagi tujuan makanan, Kementerian ini tidak menghalang sekiranya terdapat pengusaha ingin mengembangkan aktiviti ternakan ikan hiasan. *We are not stopping it* tapi memang keutamaan pihak Kementerian ialah untuk menggalakkan akuakultur bagi industri ikan untuk dimakan.

Sebagai untuk makluman, sebuah perusahaan ikan Japanese Koi beroperasi di tapak sendiri baru-baru ini yang telah didaftarkan di Jabatan Perikanan. Kementerian juga sedang mengenal pasti ternakan ikan hiasan yang *homebased* masa ini.

Demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau berkenaan dengan apakah industri ikan hiasan ini diusahakan di negara ini dan apakah perancangan pihak kerajaan di dalam memperluaskan industri tersebut.

"Kebanyakannya yang banyak aktif masa ini ialah *homebased* yang mana pihak Jabatan Perikanan sedang mendaftarkan syarikat-syarikat ini untuk mereka membolehkan pihak Jabatan Perikanan memantau dan memberi tunjuk ajar dan memberi khidmat nasihat dan seterusnya menggalakkan mereka untuk berkembang kepada *dedicated* premis untuk mereka mengusahakan industri ikan hiasan," tambah Yang Berhormat.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut menjawab soalan mengenai inisiatif bagi memastikan kelestarian ekosistem marin serta tapak kawasan terumbu kerang yang juga diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman.

"Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah melaksanakan beberapa strategi seperti penubuhan kawasan terlindung marin sejak 1 Januari 2015, meliputi 1,208 kilometer persegi, km<sup>2</sup>, kawasan larangan bagi aktiviti menangkap ikan atau *no-take zones*," jawab Yang Berhormat.

Pelaburan takat tiruan sebagai kawasan-kawasan terlindung dan pembiakan anak-anak ikan dan memperkaya sumber marin, tambah Yang Berhormat,

bekerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti SEAFDEC dalam menilai kesihatan ekosistem marin, habitat dan kualiti air bagi menyokong usaha pemuliharaan dan pengurusan perikanan yang mampan. Kolaborasi dengan Australia Institute of Marine Science sejak 2023 untuk meningkatkan daya tahan terumbu kerang terhadap perubahan iklim melalui penggunaan teknologi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menjelaskan bahawa untuk memperluaskan program pemeliharaan dan kesedaran awam khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah adalah dengan kerjasama dengan pihak-pihak NGOs seperti Reef Check Brunei dan The Poni Group.

# Pembinaan, pemeliharaan infrastruktur pencegahan banjir di luar bandar



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Mac. - Terdapat beberapa projek infrastruktur yang telah disampaikan sebelum ini mengenai dengan kolam-kolam yang sedang dalam perancangan dan beberapa kolam yang telah dibuat sebelum ini, pernah disampaikan. Dan melibatkan beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengenai dengan *the end life of struktur-struktur, water dan flood management* terhadap *pond* (kolam) ini.

Salah satu antara usaha yang dibuat selain daripada penyediaan *pond* ini adalah kerja-kerja mengorek dan melebarkan sungai serta kolam di Daerah Tutong, melibatkan Sungai Telamba, Sungai Pepakan, Sungai Danau, Sungai Kelakas dan Kuala Sungai

Tutong. Tawaran telah dibuka pada 22 Januari 2025 dan akan tutup 25 Mac 2025 ini.

"Sekiranya, nanti apabila perjalanan projek ini dimulakan nanti, insyaaAllah, akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat Ahli MMN yang bertanya. Barangkali untuk dijemput bagi bersama-sama memantau macam mana perjalanan *progress* kerja-kerja itu nanti," demikian antara yang diujarkan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin, bagi menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong mengenai inisiatif pihak kerajaan dalam menangani isu banjir dan bencana alam di Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam dan Kampung Danau.

"InsyaaAllah. Objektif projek ini adalah untuk meningkatkan kapasiti sungai bagi melancarkan pengaliran air melalui kerja-kerja pengorekan dan pelebaran sungai yang sedia ada. Kedua ialah Skim Pencegahan Banjir di Pekan Tutong, Kampung Keriam dan Kampung Bukit Bendera. Tawaran dibuka pada 18 Disember 2024 dan ditutup pada 25 Mac 2025 ini," ujar Yang Berhormat Menteri

Pembangunan lagi.

Projek ini, tambah Yang Berhormat, bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan yang sering dilanda banjir seperti Kampung Keriam, Kampung Suran, Kampung Sinaut, Kampung Bendera. Langkah-langkah mitigasi menaik taraf sistem saliran pembinaan, sistem pam saliran serta pembinaan benteng penahanan banjir. Kerja-kerja awal bagi saluran keluar kedua Sungai Tutong, ujar Yang Berhormat, dijangka akan dibuka untuk tawaran pada bulan Mei nanti. Ketika ini masih lagi dalam perancangan untuk tender *document* dan akan dibuka pada bulan Mei 2025.

Isu banjir di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, ujar Yang Berhormat, pihak Kementerian Pembangunan mengambil maklum mengenai cadangan gunaan mesin Micro Hydro Power sebagai mitigasi banjir setempat. Dalam hal ini, kajian mendapati banjir di kawasan ini dikategorikan sebagai banjir setempat (*local flooding*) yang memerlukan pembaikan dan pembesaran sistem saliran sedia ada dengan kos yang dianggarkan sebanyak BND858 ribu.

"Jadi ada sudah peruntukannya dan tindakan akan diambil dalam perkara ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan cadangan membina kolam takungan di kawasan RPN Bukit Beruang, perkara ini telah difikirkan dan dikaji, cuma

tidak dapat dilaksanakan memandangkan cadangan ini tidak memberikan kesan positif terhadap kategori kebanjiran kawasan tersebut.

"Kementerian juga telah membuat kajian bertajuk 'Feasibility Study for Flood Occurrences at RPN Bukit Beruang' pada 12 Februari 2025 yang ditutup 4 Mac 2025. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca utama kegiatan banjir di kawasan tersebut iaitu RPN Bukit Beruang dengan menentukan lokasi dan reka bentuk terbaik bagi sistem mitigasi banjir serta langkah-langkah mitigasi yang lebih holistik.

"Mengenai dengan peruntukan untuk menaik taraf dan membaiki infrastruktur di Mukim Ukong, Kementerian Pembangunan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan secara *sectional* di jalan, iaitu berperingkat - berperingkat, pembaikan jalan secara *section-by-section* di Jalan Long Mayan Merangking, di Jalan Long Mayan Merimbun, Jalan Long Mayan Bukit di tiga lokasi di sepanjang 450 meter pada tahun lepas, 2024," ujar Yang Berhormat.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat lagi, kerja-kerja pembaikan jalan raya dan penyelenggaraan sistem saliran dilaksanakan secara *section-by-section* menggunakan kontrak penggal. Kementerian Pembangunan juga akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan raya di Long Mayan Merangking ke tahap konkrit

sepanjang 1.5 kilometer melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 yang mana tawaran ini sedang dalam proses dan penilaian.

Mengenai dengan persoalan, rujuk Yang Berhormat lagi, iaitu apakah rancangan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur yang lebih kondusif untuk kesejahteraan rakyat termasuk di kawasan luar bandar.

Antara langkah yang telah diambil dan akan diambil antaranya pertama ialah kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur termasuk jalan raya, bekalan air dan sistem saliran bagi memastikan infrastruktur ini terus berfungsi dengan baik dan selamat. Kedua, pelaksanaan Projek Mitigasi Banjir seperti pengorekan dan pelebaran saluran air, menaik taraf sistem saliran, pembinaan kolam takungan air, pemasangan sistem pam saliran untuk menampung air hujan di kawasan berisiko tinggi. Ketiga ialah kajian menyeluruh bagi memastikan perancangan yang lebih tersusun dan berkesan dalam menangani masalah banjir serta bencana alam yang lain.

"InsyaaAllah, pihak Kementerian Pembangunan akan terus memohon beberapa peruntukan bagi projek-projek RKN dalam memastikan kesinambungan pembinaan dan pemeliharaan infrastruktur-infrastruktur pencegahan banjir di luar bandar secara supaya dapat dicapai dengan berkesan," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# MEMPROMOSI MERCU TANDA PELANCONGAN NBD MELALUI MEDIA, FILEM



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri, walaupun masih berada di peringkat awal, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menarik banyak penggambaran di negara ini bagi menggambarkan keunikan dan keindahan negara ini.

"Kementerian mengambil maklum mengenai beberapa produksi antarabangsa telah memilih NBD sebagai lokasi penggambaran dan termasuk Law of The Jungle pada 2015. Battle Trip, 2017. Asadal Chronicles 2018 dan Top Gear, 2018.

"Penggambaran ini memberi impak positif seperti peningkatan pelancongan dari Republik Korea yang telah meningkat 53 peratus daripada tahun 2015 hingga 2019 dengan disokong oleh penerbangan terus Brunei-Korea," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah bekerjasama rapat dengan TV Indosiar bagi memaparkan pengalaman Ramadan sebagai Islamic Tourism untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong dari

Indonesia untuk menghayati bulan Ramadan di negara ini.

"Dengan Indosiar ini, mereka telah mempublish dan menerbitkan series Ramadan di NBD.

"Alhamdulillah, jadi ini memang satu strategi yang akan diambil. Pihak KSSUP melalui Jabatan Pelancongan dengan kerjasama dengan pihak penerbangan dan juga agensi-agensi pelancongan dan perhotelan akan sentiasa berusaha untuk menarik lebih-lebih lagi program-program television (TV) ataupun penggambaran - penggambaran filem berdatang ke NBD untuk memastikan bahawa negara ini menjadi satu destinasi 'indirectly' daripada penerbitan filem atau, apa namanya, rencana-rencana TV atau tersebut," ujar Yang Berhormat.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

Selain daripada bekerjasama dengan pengengaruh (*influencer*) gaya hidup jelas Yang Berhormat, kementerian juga melibatkan saintis biodiversiti dan pencipta kandungan khusus dalam pemeliharaan alam.

*Tourist* alam semulajadi ataupun ekopelancongan terang Yang Berhormat, untuk menarik ekopelancongan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, pihak kementerian telah pun membuat inisiatif-inisiatif seperti berikut, termasuk Scientific Exhibition di hutan Batu Apoi, Temburong bertemakan 'Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity dan Brunei Darussalam Conference on Biodiversity' sempena Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE 2024) anjuran perhutanan dan pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang menarik penyertaan penyelidik-penyelidik antarabangsa daripada, seperti daripada Republik Singapura.

Selain itu ujar Yang Berhormat, Taxon Expedition yang berpangkalan di Netherlands adalah sebuah organisasi yang khusus dalam eksplorasi biodiversiti dan penyelidikan alam sekitar yang berpusat di Netherlands secara berterusan dan bekerjasama dengan UBD dalam menganjurkan *rainforest expedition* setiap tahun di Taman

Ulu Temburong.

"Negara ini juga telah mencalonkan beberapa taman-taman rekreasi untuk disenaraikan sebagai Queen's Commonwealth Canopy yang mengiktiraf komitmen terhadap pemeliharaan hutan hijau, hujan negara ini.

"Tropical Biodiversity Research Experience anjuran UBD pada Julai ini akan memberi peluang pada penyelidik antarabangsa untuk meneroka khazanah biodiversiti Brunei," ujar Yang Berhormat lagi.

Sebagai usaha lanjutan tahun ini, pihak kementerian akan menganjurkan Forest to Reef Expedition, sempena MYCE 2025 dengan menjemput penyelidik dan *content creator* dari YouTube untuk menyertai eksplorasi ini.

Selain itu jelas Yang Berhormat, tokoh-tokoh terkenal, iaitu specialist pemerhati burung dan pemeliharaan alam sekitar seperti Dominic Couzens, seorang penyumbang artikel Bird Watching dan BBC wildlife. Jack Baddams, Neil Glen and Elle Kaye, dari United Kingdom akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosi dan memperkukuhkan kedudukan NBD sebagai destinasi utama di rantau ini dari segi ekopelancongan dan kajian biodiversiti.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Menyentuh mengenai dengan media dan filem yang mempunyai potensi yang besar untuk digunakan sebagai alat bagi mempromosikan mercu tanda pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD) jelas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2025 Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2025 Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi



**AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.**

Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menyambut baik soalan-soalan yang telah disenaraikan oleh Yang Di-Pertua MMN.

Antaranya berkaitan mengenai dengan dasar Local Business Development, dasar ini telah dilaksanakan di dalam beberapa aspek tidak menyeluruh ataupun kesemua sekali seperti yang diharapkan disebabkan oleh cabaran - cabaran dan kekangan-kekangan yang ada yang telah dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

"Di antara beberapa inisiatif dalam meningkatkan penglibatan syarikat dan tenaga kerja tempatan dalam sektor pembinaan ini ialah pertama, di dalam *clause contract-contract* yang diberikan kepada pembina-pembina yang berjaya.

"Di dalam *contract-contract* yang diurus oleh ahli-ahli Kementerian Pembangunan ialah *clause* ataupun syarat Local Business Development ini menjadi syarat dalam *document* tender bagi memastikan kontraktor memberikan keutamaan dan *compliance* kepada satu perniagaan-perniagaan, peniaga-peniaga dan juga pekerja-pekerja tempatan di dalam pembelian-pembelian bahan-bahan yang dapat diperolehi daripada peniaga - peniaga ataupun pengeluar-pengeluar tempatan," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Selain itu kata Yang Berhormat, kontraktor dalam Development Program ini diadakan satu latihan yang dipanggil Contractor Development Program yang diadakan dua kali setahun di bawah pengurusan Bahagian Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) dalam memberi latihan kepada pemilik syarikat tempatan dalam pengurusan syarikat keusahawanan, dalam kewangan dan pengetahuan pembinaan.

Menurut Yang Berhormat lagi,

usaha ini adalah untuk mendorong pengusaha-pengusaha tempatan dan memberikan peluang untuk mengatasi cabaran-cabaran pengurusan yang dihadapi di dalam mengurus syarikat-syarikat pembinaan ataupun syarikat-syarikat pembekal bahan-bahan pembinaan.

Yang Berhormat seterusnya berkata pada tahun 2024 Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan telah diperkenalkan bagi menggalakkan prestasi industri tempatan khusus bagi syarikat tempatan kelas satu dan dua.

"Ini adalah untuk mendorong penglibatan tinggi pengusaha-pengusaha tempatan di dalam kelas satu dan dua ini dan jua seterusnya untuk merancang dan mengenal pasti apa-apa tindakan ataupun bantuan yang dapat diberikan kepada kategori pengusaha di dalam kelas satu dan dua ini.

"Kementerian Pembangunan juga menubuhkan Construction Personnel Taskforce pada bulan Oktober 2023 iaitu untuk memperkukuhkan lagi

## Meningkatkan penglibatan syarikat, tenaga kerja tempatan dalam sektor pembinaan

*localization* tenaga kerja. Taskforce ini mengenal pasti jawatan teknikal yang perlu diutamakan kepada rakyat tempatan seperti Construction Supervisor, Construction Foreman dan Construction Tradesman serta bekerjasama dengan institusi latihan contohnya Pusat Pembangunan Belia, Life Long Learning dan juga Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi menyediakan Program Peningkatan Kemahiran dan Pensijilan bagi anak-anak tempatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Program seperti ini jelas Yang Berhormat, adalah di antara program-program perintis Health Safety Environment yang juga diusahakan untuk dapat membantu memperkukuhkan kebolehpasaran belia tempatan di dalam industri pembinaan dan juga untuk dikerahkan kepada pembida-pembida yang berjaya mendapat kontrak akan diberikan syarat untuk mengambil anak-anak tempatan yang menepati kelayakan untuk diambil bekerja di dalam pembinaan dan tender-tender yang dimaksudkan ini.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# MEMPERKENALKAN 'MOBILE COLD STORAGE' BAGI MENGURUSKAN HASIL PERTANIAN LEBIH CEKAP



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Awang Lau How Teck mengenai dengan Skim menawarkan dua hektar tanah kepada pertanian SME pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Jadi mana-mana syarikat yang berminat untuk menambah tanah untuk mengusahakan adalah sangat-sangat dialukan. Di samping itu ada jua seperti telah kaola nyatakan dalam *my statement last Saturday* bahawa skim penambahan tapak pun ada disediakan selain daripada Skim Perintis, skim penambahan tapak pun disediakan untuk membolehkan syarikat-syarikat menambah kawasan tapak perusahaan mereka dengan senang.

Jadi adalah sangat-sangat dialu-alukan kepada peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan untuk datang ke kementerian ini untuk memohon kalau meminta tambah kawasan yang telah diperuntukkan," ujar Yang Berhormat.

Cadangan Yang Berhormat

Lau How Teck mengenai dengan membangun *cold storage*, Yang Berhormat menjelaskan pihak kementerian mengakui kepentingan dalam mengawal kualiti pertanian dan melengkapkan *supply chain* pertanian.

Menurut Yang Berhormat, kementerian ini mengambil baik cadangan dan pandangan mengenai pembangunan yang lebih bersestematik bagi mengurangkan kesan kerugian selepas tuai ke atas dan hasil tanaman peladang.

"Di mana kebanyakannya seperti daripada penelitian *waste* daripada lepas tuai kalau tidak ada *dimanage well* akan mencapai sebanyak 20 peratus ke 40 peratus daripada hasil ladang yang di*harvest*.

Sebagai langkah proaktif, dua inisiatif utama telah dirancang, jangka pendek pihak KSSUP dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah pun berunding dengan sebuah syarikat untuk memperkenalkan penggunaan *mobile cold storage*, unit yang boleh membantu dan memudahkan para pengusaha pertanian terutama sekali SME menguruskan hasil pertanian dengan lebih cekap," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan dalam jangka panjang, sebuah pusat rantaian

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

bekalan sejuk akan dibangunkan di Kawasan Kemajuan Pertanian, pertanian laut, merangkumi pengumpulan pengedaran, penyimpanan sejuk dan pemrosesan hasil pertanian melalui tawaran terbuka kepada syarikat yang berkelayakan.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan adanya pusat ini akan dijalankan secara komersial agar dapat membantu para-pada peladang terutama SME untuk mengurangkan *waste* daripada *post-harvest* tersebut dan seterusnya meningkatkan lagi kualiti barangan pertanian yang dijual di negara ini dan seterusnya membolehkan mengeksport di luar negeri.

Selain daripada itu ujar Yang Berhormat, kementerian turut menyediakan latihan pengendalian selepas tuai, *post-harvest handling* di Seksyen Kawalan Kualiti dan Keselamatan Tanaman, Bahagian Industri Tanaman di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, bagi memastikan peladang dapat menguruskan hasil mereka dengan lebih efisien dan mengurangkan kadar kehilangan produk.

"Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara terus-menerus menggalakkan

syarikat - syarikat untuk mempunyai kemudahan bilik sejuk. Dengan adanya penyimpanan sejuk juga peladang boleh menghasilkan tanaman secara berterusan dan membolehkan pengurusan stok yang lebih baik dan memastikan bekalan sentiasa tersedia serta mengurangkan kerugian selepas tuai.

"Ini juga memudahkan syarikat - syarikat dalam menguruskan bekalan mengikut keperluan permintaan tanpa menjejaskan kualiti dan nilai pasaran hasil tersebut," jelas Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Awang Lau How Teck.

## Memperkasa penanaman padi dalam kalangan petani tempatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 18 Mac. - Inisiatif kementerian dalam usaha mendedahkan pengusaha dan peladang di negara ini agar lebih peka dengan sistem yang mendukung ke arah peladangan yang bersesuaian dan berteknologi bagi meningkatkan hasil keluaran dengan lebih berkesan dan menguntungkan.

Kementerian telah berusaha mengikut keperluan semasa

untuk mengadakan latihan kursus dan memberikan teknologi baharu yang bersesuaian mengikut program-program berikut.

"Program-program *ani nada limited* kepada *shortlisted farmers*, ini kepada semua *farmers* yang berminat dan juga bukan sahaja *farmers* kepada *prospective farmers*, orang-orang baru yang berminat," jelas Menteri Sumber-Sumber Utama

**"Di samping itu jua, ada program pendedahan belia yang memfokuskan pendedahan belia kepada penggunaan teknologi bersesuaian bagi sistem daripada sistem konvensional. Yang ketiga ialah program Regenerative Agriculture iaitu pendekatan holistik yang membolehkan dan meningkatkan kesihatan tanah, biodiversiti dan ekosistem termasuk penggunaan bahan organik dan amalan-amalan pertanian yang memastikan hasil pertanian lestari,"** ujar Yang Berhormat.

dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyambut baik cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, yang juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Program Pindahan Teknologi pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Jadi programnya ialah seperti program pengenalan teknologi pertanian yang mana akan diunkayahkan semasa ekspo-ekspo dan juga *roadshow* dan juga kadang-kadang dibuat semasa di Pasar Kitani, untuk membolehkan siapa - siapa sahaja yang berminat untuk berkecimpung dalam teknologi *farming* untuk mengetahui dan lebih mendalami lagi pengetahuan berkenaan dengan teknologi pertanian.

"Di samping itu jua, ada program pendedahan belia yang memfokuskan pendedahan belia kepada penggunaan teknologi bersesuaian bagi sistem daripada sistem konvensional. Yang ketiga ialah program Regenerative Agriculture iaitu pendekatan holistik yang membolehkan dan meningkatkan kesihatan tanah, biodiversiti dan ekosistem termasuk penggunaan bahan organik dan amalan-amalan pertanian yang memastikan hasil pertanian lestari," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata mengenai dengan usaha memperkasakan penanaman padi dalam kalangan petani tempatan, terdapat beberapa program dan inisiatif dilaksanakan iaitu melaksanakan usaha-usaha penyelidikan bagi mengenal pasti varieti baharu berhasil tinggi dan mempunyai ketahanan terhadap musuh perosak tanaman.

"Berkenaan soalan, hasil yang dijual untuk kerajaan, kepada kerajaan, pada masa ini, kebanyakan peladang padi yang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

berdaftar sememangnya boleh menjual padi mereka kepada pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Setakat ini terdapat sembilan varieti yang telah diterima di bawah Skim Bantuan Harga Padi dan varieti yang terkini yang diterima adalah termasuk Padi BDR5, Sembada188 dan Yuan158," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PELBAGAI USAHA DILAKSANAKAN MENGGATASI AIR KEKUNINGAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Mac. - Masalah air kekuningan yang berlarutan dari tahun ke tahun yang memberi kesan terhadap kualiti kehidupan rakyat di negara ini telah dibahaskan pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang meneruskan sidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mengenai perkara tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan beberapa usaha telah dibuat untuk memperbaiki dan mengatasi air kekuningan itu.

Maklum balas daripada beberapa kawasan, ujar Yang Berhormat, telah menampakkan ada perubahan sejak dua tahun kebelakangan hasil daripada usaha-usaha yang telah dibuat itu.

"Jadi memang jua satu *line* terbuka telah dibukakan dengan Pengarah Jabatan Air dengan Setiausaha Tetap. Mana-mana kawasan yang menghadapi masalah air kekuningan untuk terus menghubungi Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan semasa ia berlaku dan supaya dapat dihantar jurutera untuk terus melihat dan memeriksa di mana puncanya air kekuningan itu berpunca," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Menyentuh mengenai keadaan air di Daerah Temburong pula, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan sememangnya perkara itu satu keutamaan yang diberikan dan sebelum ini beberapa lawatan telah dibuat untuk melihat sistem tangki-tangki yang ada di sana dan jua kemajuan seterusnya daripada segi *piping* dan kerja-kerja pemeliharaan yang akan diperlukan.

Jelas Yang Berhormat lagi,

kajian kualiti air Sungai Temburong juga dilakukan bagi meneliti perubahan-perubahan kualiti sumber air di Temburong dan juga untuk mengatasi jika ada sebarang pencemaran yang berlaku.

Yang Berhormat seterusnya berkata pemasangan sistem kualiti air bagi pemantauan yang dibuat secara *online* sememangnya ada dalam perancangan untuk dilaksanakan, termasuk di dalam peruntukan yang telah disediakan dalam RKN-12 dan di antara projek menaik taraf di Temburong ialah meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih di Loji Rawatan Air Batang Duri daripada 5 megaliter sehari kepada 20 megaliter sehari.

Mengenai kawasan-kawasan Global Positioning System (GPS) seperti yang disarankan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau pula, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan bahawa aplikasi GPS dalam telefon bimbit adalah sistem yang

disediakan secara global dan bukan disediakan oleh Jabatan Ukur.

"Bagi menggunakan aplikasi GPS di sesuatu kawasan ia memerlukan signal telekomunikasi. Antara sebab-sebab GPS tidak dapat digunakan adalah tidak ada signal telekomunikasi, signal telekomunikasi yang rendah gangguan signal-signal *jammed* termasuk untuk kawasan terkawal," terang Yang

Berhormat.

Dalam hal ini, jelas Yang Berhormat lagi, dengan adanya signal yang keluar ke kawasan luar pantai terutamanya daripada *service provider* bagi Negara Brunei Darussalam yang juga menyediakan *service provider* signal-signal internet di seluruh negara, jika ia jua diluaskan keluar pantai dan dengan sendirinya sistem GPS data-data dan signal GPS akan dapat diperoleh.

**"JADI memang jua satu line terbuka telah dibukakan dengan Pengarah Jabatan Air dengan Setiausaha Tetap. Mana-mana kawasan yang menghadapi masalah air kekuningan untuk terus menghubungi Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan semasa ia berlaku dan supaya dapat dihantar jurutera untuk terus melihat dan memeriksa di mana puncanya air kekuningan itu berpunca,"** jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

## Projek *waste-to-energy* dijangka dimeterai Oktober 2026



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Mac. - Projek *waste-to-energy* pada masa ini sedang dalam peringkat penyediaan *request for proposal* melalui konsultan yang telah dilantik.

*Request for proposal* ini dijadualkan akan dibuka pada 17 Julai 2025 dengan tarikh akhir penyerahan cadangan pada 23 Oktober 2025 nanti dan jika pelabur berjaya dikenal pasti, maka projek ini akan dianugerahkan pada 10 Julai 2026.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai *waste-to-energy*



*system* pada hari ke-13 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda menjelaskan tarikh-tarikh tersebut adalah *timeline* yang disediakan dan kontrak dijangka dimeterai pada 2 Oktober 2026 manakala pembinaan loji dijangka bermula selepas itu dengan sasaran untuk beroperasi sepenuhnya pada tahun 2029.

Ketika menjawab isu sama yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin pula, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan projek tersebut dianggarkan berkapasiti 25 megawatt sehari.

"Angka ini masih dalam kajian lanjut untuk menentukan sumbangannya terhadap keperluan tenaga Negara Brunei Darussalam dalam peratusan. Selain menjana tenaga elektrik, loji ini juga akan menghasilkan bahan sampingan seperti abu yang boleh digunakan dalam industri pembinaan dan hortikultur selari dengan usaha pengurangan sisa buangan

secara lestari," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata memang ada usaha untuk mengenal pasti sama ada abu itu nanti dapat digunakan dan adakah ia selamat digunakan untuk dijadikan bahan campuran dalam membuat batu bata bagi bahan pembinaan.

Selain daripada itu, ujar Yang Berhormat lagi, sementara menunggu pengoperasian projek *waste-to-energy* ini, beberapa langkah telah diambil iaitu penyediaan peraturan mengenai pengurusan sisa pepejal, memperluaskan kaedah pengutipan sampah dari rumah ke rumah melalui kontrak secara *concession* bermula dengan

kawasan Perumahan Negara dan menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan pengutipan sampah/sisa pepejal bagi keperluan *waste-to-energy incinerator* serta melaksanakan beberapa inisiatif ke arah pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan.

Antara yang terkandung di dalam penyediaan *request for proposal* ini, Yang Berhormat menjelaskan adalah penelitian bagi melengkapkan infrastruktur yang diperlukan seperti air, saluran terutama dalam penyediaan rangkaian sistem elektrik untuk memastikan tenaga daripada *waste-to-energy* ini dapat disalurkan kepada grid tenaga yang sedia ada dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# KUKUHKAN SEKTOR AGROPELANCONGAN, PELANCONGAN LUAR BANDAR

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

>> Muka 1

Memandangkan pelancongan bukan aktiviti utama peladang, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan di antara langkah awal yang dibuat oleh kementerian berkenaan ialah memberikan kefahaman mengenai konsep agropelancongan dan latihan dalam merancang pakej



pelancongan yang menarik dan mampan sesuai dengan permintaan pelancong dan juga harga yang berpatutan bagi pelancong berpuas hati dengan pengalaman yang ditawarkan tanpa menjejaskan pengeluaran hasil tanaman bagi ladang-ladang mereka.

"Dalam pada itu, sebenarnya platform *agritourism* ini bukan saja bertumpu kepada pemasaran dan penjualan hasil produk-produk pertanian sahaja. Kementerian juga menggalakkan pameran penjualan hasil kraftangan ertinya bukan saja seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi untuk hasil pertanian malah juga pihak kementerian juga menggalakkan untuk menunjukkan juga hasil kraftangan dan juga agrimakanan serta aktiviti - aktiviti perundingan kampung," jelas Yang Berhormat Menteri.

Terdahulu Yang Berhormat

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Menteri sangat menghargai sokongan dan cadangan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, untuk memperkukuhkan sektor agropelancongan dan pelancongan luar bandar khususnya memaksimumkan impak ketibaan pelancong kepada ekonomi domestik dan mengasaskan penglibatan usahawan tempatan sektor ini.

Berkenaan dengan menggalakkan pemasaran produk tempatan, Yang Berhormat Menteri menjelaskan antara langkah yang lain untuk pihak kementerian menggalakkan penggunaan produk - produk tempatan ialah menjadikan *booth* dan *outlets* di Kampung Ayer Cultural Tourism Gallery dan Terminal Cruise Ship Centre di Pelabuhan Muara serta bagi memberikan peluang pelancongan yang tiba melalui kapal persiaran membeli-belah produk tempatan.

Yang Berhormat seterusnya menambah penganjuran Ekspo Kayu Tempatan dan Local Product Expo juga diketengahkan untuk mempromosikan produk tempatan, di samping bekerjasama dengan Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri untuk memperkukuhkan lagi produk tempatan dengan ditawarkan lokasi-lokasi strategik dan menggalakkan majlis-majlis perundingan kampung untuk merebut peluang menjadi lebih keusahawanan tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh

pelancong-pelancong seperti Hutan Rekreasi Luagan Lalak dan yang lain.

Di samping itu, restoran tempatan juga telah ditubuhkan di Taman Rekreasi Bukit Patoi bagi membolehkan pelancong-pelancong merasai makanan-makanan tempatan di negara ini.

**"DALAM pada itu, sebenarnya platform *agritourism* ini bukan saja bertumpu kepada pemasaran dan penjualan hasil produk-produk pertanian sahaja. Kementerian juga menggalakkan pameran penjualan hasil kraftangan ertinya bukan saja seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi untuk hasil pertanian malah juga pihak kementerian juga menggalakkan untuk menunjukkan juga hasil kraftangan dan juga agrimakanan serta aktiviti - aktiviti perundingan kampung," jelas Yang Berhormat Menteri.**

## Memastikan mutu kualiti projek menurut piawaian antarabangsa

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) meneruskan sidang pada hari ke-13 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, dengan mendengarkan perbahasan Peringkat Jawatankuasa di bawah tajuk Kementerian Pembangunan.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyentuh mengenai Belanjawan 2025/2026 bagi Kementerian Pembangunan yang mana menurut Yang Berhormat, perbelanjaan biasa misalnya bagi Jabatan Kerja Raya telah berkurangan sebanyak BND3.6 juta, begitu juga dalam bilangan tenaga kerja, Jabatan Kerja Raya juga dikurangkan 48 jawatan.

"Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan Yang

Berhormat mengenai langkah strategik kementerian untuk menseimbangkan keperluan tanggungjawab dan tugas ini dengan kapasiti sumber yang sedia ada terutamanya dalam mencapai sasaran objektif strategik QS3, Memupuk Pembangunan Inklusif tersebut," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh sasaran Kementerian Pembangunan dalam memesatkan pembangunan perniagaan tempatan khususnya objektif strategi 8 bagi menggalakkan penyertaan aktif profesional tempatan, pakar teknikal serta pemilik dan pengurus tempatan.

Seterusnya Yang Berhormat mengalu-alukan saranan tersebut kerana Kementerian Pembangunan adalah salah satu agensi yang berperanan untuk meningkatkan penglibatan pihak swasta terutamanya dalam pembinaan dan memudah cara ekosistem perniagaan di negara

ini.

"Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan terhadap langkah ke hadapan kementerian untuk meningkatkan lagi penglibatan peniaga, pengusaha tempatan dan profesional teknikal secara amnya dan dalam industri pembinaan khususnya sebagai mempraktikkan dasar *local business development* supaya pertumbuhan ekonomi akan berterusan *sustainable* dan lebih inklusif," ujar Yang Berhormat.

Peruntukan kemajuan pada Belanjawan 2025/2026 terutamanya di bawah JKR telah meningkat sebanyak kira-kira BND22.4 juta, begitu juga dengan peruntukan kemajuan, Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) juga meningkat sebanyak BND2.3 juta.

Namun, ujar Yang Berhormat, jika diamat-amati dalam perbelanjaan biasa, Akaun 2106 Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset Jabatan Kerja Raya peruntukannya telah dikurangkan sebanyak BND6.2 juta berbanding tahun lepas.

"Memandangkan banyak bangunan - bangunan yang rosak perlu pembaikan dan pemuliharaan, kaola memohon pencerahan kementerian dari tajuk manakah peruntukan

pemuliharaan bangunan-bangunan yang telah usang ini dikenakan dan apakah strategi pihak yang berkepentingan untuk menangani isu tersebut."

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman menyokong sepenuhnya inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024-2029 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Sebagaimana yang dimaklumi, ujar Yang Berhormat Pehin lagi, di samping melaksanakan projek-projek langsung di bawah kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya selaku Jabatan Teknikal, kementerian juga berperanan untuk melaksanakan projek-projek kementerian dan jabatan-jabatan lain di luar Kementerian Pembangunan.

"Ini tidak kira sama ada ia laksanakan secara *in-house* melalui lantikan konsultan mahupun kaedah *design and build*. Ia tidak akan lari daripada memerlukan penglibatan jabatan teknikal ini. Sama ada di peringkat preliminary, pelaksanaan kontrak mahupun pengawal seliaan untuk memastikan mutu kualiti projek adalah terjamin menurut piawaian



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

antarabangsa," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat berpendapat cabaran dihadapi oleh kementerian dan jabatan-jabatan teknikal ini mungkin daripada segi pensejajaran dan koordinasi dan *client department* yang mana ada kalanya adalah di luar kawalan jabatan-jabatan teknikal ini.

**"MEMANDANGKAN banyak bangunan-bangunan yang rosak perlu pembaikan dan pemuliharaan, kaola memohon pencerahan kementerian dari tajuk manakah peruntukan pemuliharaan bangunan-bangunan yang telah usang ini dikenakan dan apakah strategi pihak pihak yang berkepentingan untuk menangani isu tersebut."**

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI ADAKAN MAJLIS BERTADARUS



SEKITAR Majlis Bertadarus yang diadakan di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku.



**GADONG**, Isnin, 17 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi bertempat di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus semasa menyampaikan sumbangan wakaf di majlis tersebut.

Berita : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis Bertadarus dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan tadarus Al-Quran daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan diselenggarakan dengan penyerahan sumbangan wakaf serta Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis seumpamanya merupakan aktiviti keagamaan

tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada setiap tahun di bulan Ramadan yang mulia untuk mengeratkan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya bagi meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredaan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis Bertadarus pada tahun ini telah diselenggarakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

## KHEDN bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung hari ini telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis tersebut adalah khusus bagi paduka-paduka ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Mengetuai rombongan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Bacaan Surah Yaa Siin dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa mengetuai rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Tahlil pada majlis tersebut dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun, Awang Mohd. Afif bin Dato Seri Setia Haji

Japar. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang terdiri daripada Penghulu-penghulu Mukim dan

Ketua-ketua Kampung, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta

pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dari keempat-empat daerah.

# KSSUP MEMBACA YAA SIIN, BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Mu'izzaddin Waddaulah.

Rombongan kementerian tersebut ke majlis itu diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Muhd. Arif bin Haji Johari.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti keagamaan tahunan yang dikendalikan oleh kementerian tersebut beserta jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya bersempena bulan Ramadan sebagai antara usaha bagi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 Mac. - Seramai 250 orang pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

(KSSUP) berserta jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya telah menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja,

di sini.

Majlis berkenaan khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

## Anak yatim, daif terima sumbangan



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga merupakan salah seorang alumni Asrama Kerajaan Brunei di Singapura hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak Yatim dan Anak Dhaif yang berlangsung di di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. (kiri dan atas)

>> Muka 1

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Mohd. Lazim bin Haji Metali, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Huzaifah bin Haji Hasbi, salah seorang anak yatim yang juga pemenang Kategori 'D' dalam pertandingan menghafaz 15 juzuk

Al-Quran berserta terjemahannya.

Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya antara lain menyatakan penghargaan dan terima kasih atas sokongan padu dan berterusan daripada ahli-ahli AKBS yang sentiasa prihatin menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim dan daif yang memerlukan.

Beliau juga menekankan bahawa projek tahunan kebajikan seumpama ini bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan alumni, bahkan memberi ruang kepada mereka untuk menyumbang bakti kepada masyarakat sebagai tanda taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah sebelum penyampaian sumbangan derma disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sumbangan derma berkenaan adalah sebagai tanda keprihatinan AKBS dalam membantu anak-anak yatim dan anak daif membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, di samping meringankan beban keperluan harian mereka.

# MUSLIMAH MASJID DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**KULAPIS**, Isnin, 17 Mac. - Ramadan sewajarnya terus dipertingkatkan dengan gandaan amalan-amalan untuk terus merebut ganjaran pahala berlipat ganda agar tidak persiakan dan berlalu begitu sahaja. Justeru, jemaah Muslimah Masjid Pehin Khatib Abdullah Kampung Kulapis yang mengikuti Tadarus Al-Quran hari ini diraikan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan. Hadir pada majlis, di sini, ialah isteri Yang Berhormat Menteri



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima (atas dan kiri).

Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi yang juga menyampaikan sumbangan derma kepada 17 anak-anak yatim kampung berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dikepalai oleh Dayang Jamaliah

binti Haji Jumaat diikuti dengan bacaan ummul kitab Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Para peserta khatam seterusnya memulakan bacaan ayat suci Al-Quran beramai-ramai bermula dari Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas.

Doa Khatam dibacakan oleh

Dayang Hajah Marziah binti Haji Abu Bakar manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh imam masjid, Awang Haji Md. Burhanuddin bin Haji Damit.

Majlis diteruskan dengan acara bersungkaik, diikuti menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

## 312 anak istimewa ABDB menerima sumbangan derma



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan baru-baru ini, bagi 312 anak anggota ABDB yang berkelainan upaya, sempena bulan suci Ramadan 1446 Hijrah, bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Zikir Munajat, Asmaul Husna, Selawat Syifa dan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyampaikan sumbangan berkenaan kepada penerima (kiri). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

(JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan penyampaian sumbangan, sesi berbuka puasa, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di surau yang telah dikhaskan.

Sumbangan berkenaan telah disampaikan bersama oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan isteri, Yang Di-Pertua Persatuan Kebajikan Isteri (BAKTI) ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB dan pegawai-pegawai kanan berserta isteri, yang juga menyampaikan pengagihan sumbangan secara

Siaran Akhbar dan Foto : Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

serentak kepada unit masing-masing.

Majlis berkenaan adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang diadakan setiap tahun, sebagai tanda pemedulian dan komitmen ABDB dalam menghulurkan bantuan

kepada anak-anak yang berkelainan upaya.

Sumbangan derma adalah berupa wang tunai daripada Tabung Kebajikan ABDB, kutipan daripada Surau-surau ABDB dan sumbangan daripada BAKTI ABDB.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PENTING

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

! IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Status  
 TIDAK DIPERAKURKAN

! DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Status  
 TIDAK DIPERAKURKAN

# 11 PENERIMA DARI 3 KAMPUNG TERIMA SUMBANGAN DERMA



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma di Masjid Kampung Pintu Malim.

**PINTU MALIM**, Selasa, 18 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia ini, Masjid Kampung Pintu Malim petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma kepada para penerima bagi tiga buah kampung, iaitu Kampung Sungai Lampai, Kampung Pintu Malim dan Kampung Kota Batu yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Mohammad Hasif Matzin

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang juga Ketua Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan surah-surah

lazim oleh para peserta khatam dan bacaan Takhtim yang dibawakan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Pintu Malim, Pengiran Haji Muhammad Syukri bin Pengiran Haji Sulaiman.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 11 orang penerima dari tiga kampung berkenaan.

## Tingkatkan penglibatan belia dalam aktiviti kemasyarakatan

**TUTONG**, Isnin, 17 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Ahli Takmir Masjid dan Muslimah Masjid Kampung Bukit mengadakan Program Amal Belia v.3.2 yang diadakan di Masjid Kampung Bukit, Tutong bersempena dengan bulan Ramadan Mubarak.

Seramai lebih kurang 70 orang menghadiri program tersebut yang terdiri daripada belia-belia Kampung Bukit, Ahli Takmir Masjid dan Muslimah Masjid Kampung Bukit. Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong dalam sama-sama menyokong inisiatif ini.

Program Amal Belia v.3.12 ini adalah program tahunan anjuran JBS, Cawangan Daerah Tutong dan merupakan program berbagi rezeki kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti. Program ini telah melibatkan beberapa belia dan penduduk kampung yang telah bergotong-royong menyediakan bahan, memasak serta

**Siaran Akhbar dan Foto :** Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Ukong semasa mengagihkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

pembungkusan bagi acara pengagihan dan telah berjaya menghasilkan sebanyak 120 kontena bubur kacang dan 150 pek mi.

Antara tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan

penglibatan antara Majlis Perundingan Mukim dan Kampung umumnya dan penglibatan belia khasnya dalam aktiviti kemasyarakatan dalam berbagi rezeki kepada golongan yang menjadi sasaran.



**Haritu** akibat kecuiaan pemandu lain, kehidupannya berubah untuk selamanya.

Perempuan, had fizikal berusia 28 tahun

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya**

[mkkjrbrunei](#) [www.mkkjr.gov.bn](#)



**Haritu** dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya**

[mkkjrbrunei](#) [www.mkkjr.gov.bn](#)

# ZAKAT FITRAH MENGGUNAKAN HARTA WAKIL

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**Z**AKAT fitrah diwajibkan ke atas orang Islam yang memiliki lebihan belanja daripada keperluan dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya pada waktu matahari terbenam pada hari terakhir bulan Ramadhan (malam hari raya) dan siang hari raya. Adapun orang Islam yang tidak memiliki lebihan belanja untuk dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya pada waktu yang disebutkan, maka tidak wajib baginya mengeluarkan zakat fitrah dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya.

Adakalanya orang yang wajib ke atasnya menunaikan zakat fitrah mewakilkan kepada orang lain untuk membuat pembayaran zakat fitrah bagi pihak dirinya (orang yang berzakat) dan orang-orang yang di bawah tanggungannya dengan menggunakan harta wakil. Dalam keadaan sebegini, adakah dibolehkan menggunakan harta wakil untuk membayar zakat fitrah bukan disebabkan dia tidak mempunyai harta atau tidak berkemampuan untuk menunaikan zakat? Bagaimana pula dengan niat zakat dalam keadaan seumpama ini? Berikut adalah penjelasan mengenainya.

Hukum orang yang berzakat berwakil kepada orang lain untuk melaksanakan zakat fitrahnya adalah harus, sama ada zakat fitrah tersebut adalah bagi diri orang yang berwakil atau bagi ahli keluarganya yang ditanggung nafkahnya. Keharusan dalam perkara ini adalah kerana zakat fitrah

**NIAT** orang yang berzakat secara berwakil memadai dilakukan ketika menyerahkan zakat tersebut kepada wakilnya walaupun wakil berkenaan tidak berniat ketika mengagihkan zakat tersebut kepada penerima zakat. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj katanya : **Ertinya : Dan memadai niat orang yang berwakil ketika penyerahan (zakat) kepada wakil (tanpa perlu) dari niat wakil ketika melakukan pengagihan kepada orang-orang yang berhak menurut pendapat al-ashah kerana adanya niat daripada orang yang diperintahkan (mengeluarkan) zakat beriringan dengan perbuatannya kerana harta itu adalah miliknya dan dengan yang demikian itu ia berbeza dengan niat haji (yang perlu dilakukan) oleh pengganti (wakil).**

itu daripada ibadah *maliyyah* iaitu ibadah yang berkaitan dengan harta. Keharusan berwakil kepada seseorang untuk menunaikan zakat fitrah adalah sama seperti keharusan berwakil kepada seseorang untuk membayar hutang.

Menunaikan zakat fitrah menggunakan harta wakil yang bukan disebabkan orang yang berzakat tidak mempunyai harta atau tidak berkemampuan untuk menunaikan zakat, maka hukumnya adalah harus. Perkara ini ada disebut oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Majmu' ketika menjelaskan tentang keharusan menyerahkan pembayaran zakat melalui wakil. Beliau menjelaskan bahawa menurut *al-Ashhab* (ulama-ulama terkemuka mazhab Syafi'i yang terdahulu), mewakilkan pembayaran zakat kepada orang lain dengan menggunakan hartanya atau harta wakil, kedua-duanya adalah harus tanpa ada perselisihan pendapat.

Antara perkara yang penting untuk diambil perhatian dalam perkara melaksanakan zakat secara berwakil, sama ada orang yang berzakat itu menggunakan hartanya sendiri atau menggunakan harta wakil, ialah niat zakat.

Niat zakat adalah salah satu syarat sah dalam pelaksanaan zakat. Letak niat adalah di dalam hati namun adalah sunat melafazkannya kerana dapat membantu apa yang diniatkan dalam hati.

Contoh niat zakat fitrah bagi orang yang berzakat ialah :


Untuk diri sendiri : "*Ini zakat fitrahku*".

Untuk diri sendiri dan tanggungan seperti isteri dan anak-anak : "*Ini zakat fitrahku dan orang-orang yang di bawah tanggunganku*".

Niat berzakat itu memadai dan sah dilakukan oleh orang yang berzakat ketika mengasingkan sejumlah wang zakat daripada hartanya. Niat berzakat itu juga memadai dilakukan ketika menyerahkan zakat tersebut kepada wakilnya atau amil. Niat berzakat juga memadai dan sah dilakukan sebelum dilaksanakan pengagihan zakat tersebut kepada para penerima zakat.

Niat orang yang berzakat secara berwakil memadai dilakukan ketika menyerahkan zakat tersebut kepada wakilnya walaupun wakil berkenaan tidak berniat ketika mengagihkan zakat tersebut kepada penerima zakat. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj katanya :

**Ertinya : Dan memadai niat orang yang berwakil ketika penyerahan (zakat) kepada wakil (tanpa perlu) dari niat wakil ketika melakukan pengagihan kepada orang-orang yang berhak menurut pendapat al-ashah kerana adanya niat**



daripada orang yang diperintahkan (mengeluarkan) zakat beriringan dengan perbuatannya kerana harta itu adalah miliknya dan dengan yang demikian itu ia berbeza dengan niat haji (yang perlu dilakukan) oleh pengganti (wakil).

Sungguhpun wakil tidak perlu berniat, namun adalah afdal baginya untuk berniat zakat bagi pihak orang yang berzakat ketika menyerahkan zakat tersebut kepada penerima zakat.

Adapun jika orang yang berzakat itu sama sekali tidak berniat zakat, maka zakat yang ditunaikannya itu tidak sah sekalipun wakil berkenaan berniat zakat bagi pihaknya.

Contoh niat zakat fitrah bagi wakil ialah : "*Ini adalah zakat fitrah yang wajib pada tahun ini bagi Polan bin Polan*".

Dalam pelaksanaan zakat menggunakan harta wakil, hukum berniat zakat bagi wakil adalah wajib dan tidak memadai niat zakat dilakukan oleh orang yang berzakat semata-mata. Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj ada menukil perkataan Imam al-Mutawalli Rahimahullah mengenai perkara ini katanya :

**Ertinya : (Imam) al-Mutawalli dan selainnya berkata : Niat wakil adalah menjadi kemestian apabila kefardhuan (menunaikan zakat) berlaku dengan hartanya (wakil) dengan berkata orang yang berwakil kepadanya (wakil): "Tunaikan zakatku dari hartamu", dengan tujuan beralih perbuatannya (wakil itu) menjadi bagi pihaknya (orang yang berwakil), dan ucapannya (orang yang berwakil) kepadanya (wakil) itu mengandungi keizinan baginya (wakil) dalam berniat.**

Demikian penjelasan mengenai zakat fitrah menggunakan harta wakil.

**DALAM pelaksanaan zakat menggunakan harta wakil, hukum berniat zakat bagi wakil adalah wajib dan tidak memadai niat zakat dilakukan oleh orang yang berzakat semata-mata. Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj ada menukil perkataan Imam al-Mutawalli Rahimahullah mengenai perkara ini katanya : Ertinya : (Imam) al-Mutawalli dan selainnya berkata : Niat wakil adalah menjadi kemestian apabila kefardhuan (menunaikan zakat) berlaku dengan hartanya (wakil) dengan berkata orang yang berwakil kepadanya (wakil): "Tunaikan zakatku dari hartamu", dengan tujuan beralih perbuatannya (wakil itu) menjadi bagi pihaknya (orang yang berwakil), dan ucapannya (orang yang berwakil) kepadanya (wakil) itu mengandungi keizinan baginya (wakil) dalam berniat.**

منوجو كريضاءن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

## Lailatulqadar penuh keberkatan

Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan".

Sesungguhnya kita tidak dapat mengetahui bila berlakunya Lailatulqadar itu. Inilah hikmahnya supaya kita akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk beribadat pada setiap malam di bulan Ramadhan agar dapat bertemu dengan Lailatulqadar dan tidak akan hanya beribadat pada malam tertentu sahaja. Dalam hal ini, sebahagian ulama berpendapat Lailatulqadar itu berlaku pada 10 malam terakhir bulan Ramadhan dan berkemungkinan besar ia berlaku pada malam-malam ganjil iaitu sama ada pada malam ke-21, 23, 25, 27 atau pada malam 29. Ini berdasarkan kepada hadis Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada 'Aisyah Radhiallahuanha, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Carilah Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil pada 10 hari terakhir bulan Ramadhan".

Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan lagi daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu

Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa berdiri dengan sembahyang dan ibadat pada malam Lailatulqadar dengan iman dan ihtisab iaitu dengan keyakinan yang sempurna dan harapan yang ikhlas untuk memperoleh ganjaran-Nya nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang lalu".

Berdasarkan hadis tersebut, pada malam Lailatulqadar juga, Malaikat Jibril Alaihissalam bersama para malaikat yang lain akan turun ke bumi untuk memberi salam kepada orang-orang Mukmin yang beribadat dan segala dosa mereka yang telah lalu akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, tingkatkanlah ibadat dengan penuh keikhlasan serta mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri akan mempertingkatkan lagi amalan Baginda pada 10 malam akhir Ramadhan mulai pada malam ke-21 Ramadhan. Baginda akan beriktikaf di masjid, membangunkan ahli keluarga Baginda untuk bersembahyang dan sebagainya. Ini jelas bahawa Baginda Rasulullah benar-benar berusaha untuk memperoleh malam Lailatulqadar itu.

Dalam sebuah hadis lain, Imam Al-Bukhari

dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada 'Aisyah Radhiallahuanha, dia berkata : "Bahawa adalah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam apabila masuk sahaja 10 yang terakhir di bulan Ramadhan, Baginda mengikat pinggangnya kerana bersungguh-sungguh untuk melakukan amal ibadat dan Baginda menghidupkan malamnya dengan membangunkan keluarganya".

Oleh yang demikian, kita sepatutnya mencontohi apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meningkatkan amal ibadat bagi mendapatkan keistimewaan Lailatulqadar. Rebutlah peluang keemasan ini di malam-malam 10 terakhir bulan Ramadhan dan berharap semoga kita dipertemukan dengan malam istimewa tersebut kerana kita tidak pasti adakah kita akan bertemu lagi dengan bulan Ramadhan di tahun hadapan. Sama-samalah kita berdoa semoga segala amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadhan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya mendapat keberkatan dan keredaan-Nya jua.

10 hari terakhir bulan Ramadhan adalah hari yang sangat digalakkan untuk melipatgandakan lagi usaha kita untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala terutama di waktu malam kerana di 10 malam terakhir itulah terdapat satu malam yang dinamakan Lailatulqadar iaitu suatu malam yang penuh keberkatan dan mempunyai keistimewaan.

Orang yang memperoleh keistimewaan Lailatulqadar adalah mereka yang sangat beruntung kerana ia merupakan satu malam yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala khusus untuk umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi memulihkan mereka. Pemberian ini tidak pernah berlaku kepada umat-umat sebelumnya. Barang siapa yang mengerjakan amal ibadat pada malam tersebut akan mendapat ganjaran pahala yang sangat besar lagi istimewa iaitu lebih baik daripada ibadat yang dikerjakan selama seribu bulan. Firman Allah dalam Surah Al-Qadr, ayat 3 yang terjemahannya : "*Malam*

# 15 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Seramai 15 anak yatim dari Kampung Kiulap, Kampung Kiarong dan Kampung Menglait

baru-baru ini menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak Yatim yang diadakan di Jame'

**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima (kiri dan kanan).

'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. Majlis diungkuayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Majlis diadakan bertujuan semata-mata bagi meraih



keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di bulan Ramadan yang mulia dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan dan memudahkan

urusan persediaan serta memberikan keceriaan kepada anak-anak yatim berkenaan pada bulan Ramadan Al-Mubarak lebih-lebih lagi ketika menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

# Kementerian Kesihatan serah sumbangan wakaf

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf kepada Ketua Imam Masjid tersebut (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Wakaf Kementerian Kesihatan sempena bulan Ramadan bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Majlis ini diadakan dengan tujuan untuk mengimarahkan dan menyemarakkan lagi bulan mulia dan Mubarak ini, di samping mendapatkan keberkatan dan

ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah dan diteruskan dengan bacaan Tahليل dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Awang Haji Zulazni bin Zaini. Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis iaitu

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff kepada Ketua Imam Masjid.

Barangan sumbangan tersebut merupakan *water jet-water pressure washer; dry and wet, heavy-duty vacuum; anti slip carpet (18 meter) dan water hose and reel (20m).*

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pengarah-pengarah beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)

**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "v" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 008 / 2025 –  
(CDE).T.IV

**Nama Projek:**  
(Kerja-kerja segera) Kerja-Kerja  
Perlindungan Sungai di Jalan  
Tanah Jambu 2 – Fasa 2

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen: BND5.00**

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
8 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
29 April 2025,  
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**  
KA01, M03 & E03 Sahaja  
– Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 009 / 2025 –  
(CDE).T.IV

**Nama Projek:**  
Kerja-kerja Menaik Taraf dan  
Pembaikan bagi Stesen  
Pengepam Burong Pingai

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen: BND5.00**

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
8 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
22 April 2025,  
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja  
– Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 010 / 2025 –  
(CDE).T.IV

**Nama Projek:**  
Penaiktarafan Sistem Saliran  
Di Hilir Tadahan Balai  
Khazanah Islam Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen: BND5.00**

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
8 April 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
22 April 2025,  
Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**  
IV (III & IV) sahaja

**Kategori:**  
KA01 & M03 Sahaja – Kod  
Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 011 / 2025 –  
(CDE).T.IV

**Nama Projek:**  
Membekal, Mengganti  
dan Memasang  
Pam Pembetulan Di  
Daerah Tutong

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen: BND5.00**

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
8 April 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
22 April 2025,  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN /  
1 / 2024 - 2025 ( R )

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekalkan Jamuan  
Bagi Mesyuarat-Mesyuarat  
Di Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan  
Selama Sebelas (11) Bulan  
Bagi Tahun 2025.

**Tarikh Buka  
Sebut Harga :**  
10 Mac 2025, Isnin.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
10 April 2025,  
Khamis,  
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat  
(Jika Berkenaan):**  
25 Mac 2025,  
Selasa,  
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 59 / 2025 / HTD (TC)

**Keterangan:**  
Development Of Foreign Worker  
Health Screening (FWHS) E-Portal  
Inclusive Of Hosting, Maintenance  
& Support For Three (3) Years For  
Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
25 Mac 2025,  
Jam 12.00 Tengah Hari.



**Bilangan Tawaran:**  
KK / 60 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Medical  
Items (Splinting Materials) For  
Occupational Therapy, Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)  
For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran: BND30.00**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 61 / 2025 / UPP (TC)

**Keterangan:**  
Supply, Delivery And Maintenance  
Of Bone Conduction Hearing Aids  
For Bone Anchored Hearing Aid  
(BAHA) For Audiology Services,  
Department Of  
Otorhinolaryngology At Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)  
For A Period Of Two (2) Years

**Yuran Tawaran: BND500.00**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 62 / 2025 / JPKAS (TC)

**Keterangan:**  
The Provision Of Maintenance

Services For Refrigeration, Air  
Conditioning And Ventilation At  
Pejabat Kesihatan Pekan Tutong,  
In Tutong District For A Period Of  
Five (5) Years

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health

**Kelas :**

**Kategori : M01 & E01**

**Yuran Tawaran: BND30.00**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 63 / 2025 / ESTETRIPASH

**Keterangan:**  
Replacement Of Wire Rope  
For Lift And Overspeed Governor  
Including Associated Parts For  
Kone Lift At Block 5, Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha Hospital

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health  
OR Ministry of Development

**Kelas: II Above**

**Kategori: KPME02**

**Yuran Tawaran: BND10.00**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 66 / 2025 / UPP

**Keterangan:**  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing And Commissioning  
Flexible Intubation Video  
Endoscope, Anesthesiology  
Department, Operation Theatre,

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha  
(RIPAS) Hospital

**Yuran Tawaran: BND10.00**

**Bilangan Tawaran:**  
KK / 68 / 2025 / SSBH (TC)

**Keterangan:**  
Three (3) Years Term Contract For  
Grass Cutting And General  
Conservancy Maintenance Work  
At Housing Under Suri Seri  
Begawan Hospital, Kuala Belait

**Eligibility for Tenderers:**  
Registered with Ministry of Health  
OR Ministry of Development

**Kelas: II Above**

**Kategori : S02 and S07**

**Yuran Tawaran: BND30.00**

**Tarikh Tutup:**  
8 April 2025,  
Jam 12.00 Tengah Hari.



**Rujukan Tawaran :**  
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG /  
TA / 02  
Pembelian Rangsung  
Bungkus Selama 18 Bulan Bagi  
Keperluan ABDB

**Yuran Tawaran :**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
Selasa, 8 April 2025,  
jam 2.00 Petang**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
15 April 2025,  
Jam 2.00 Petang.




**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
III atau IV sahaja

**Kategori:**  
[KA01 atau M03 atau P02 sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
8 April 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup :**  
15 April 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 010 / 2025

**Nama Projek:**  
36 Bulan Kontrak Penggal Bagi  
Pembekalan Tenaga Kerja Bagi  
Loji Rawatan Air, Unit Makmal  
dan Unit Production Di Bawah  
Jabatan Perkhidmatan Air,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
II Sahaja

**Kategori:**  
M01 – (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
25 Mac 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup:**  
8 April 2025. (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam :**  
2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSKB / 002 / 2025

**Nama Projek:**  
Membekal dan Mengganti  
Condensing Units and Air  
Handling Units di Bangunan  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Kuala Belait

**No. Projek:**  
2025ADKB / JPE-01

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-


**JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran :**  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 58

**Tajuk Tawaran:**  
General Cleaning  
Services For 12 Months  
At Muara Passenger  
Terminal,  
Pekan Muara,  
Brunei And Muara District For  
2025 / 2026

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Khamis,  
3 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
RTB / 01 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply and Delivery of  
Graphic Editing And Other  
Software Packages Licenses  
For Radio Television Brunei  
For A Period Of Two (2) Years  
Contract Term



**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
8 April 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Pusat Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan**

**Expression of Interest (EOI)**

**Keterangan:**  
Expressions of Interest for The  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing, Commissioning, Warranty,  
and Maintenance of Smart  
Classroom Devices



**Yuran Tawaran:**  
Percuma

**Tarikh Tutup:**  
5 April 2025.  
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Rujukan Tawaran:**  
JPA / 1.4 / MISC / CS / 001 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply, Delivery, Installation,  
Testing & Commissioning of  
Digital Audio Conference System  
For Public Service Department

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
25 Mac 2025.



**Rujukan Tawaran:**  
JPA / 1.4 / A&S / TC / 001 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Two-Year Term Contract For  
Supply And Delivery Of Printer  
Toner / Cartridge For Public  
Service Department

**Bayaran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
25 Mac 2025.


**KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 21 / 2024-2025

**Keterangan:**  
Membekal Dan Menghantar  
Plak Bagi Majlis  
Penghargaan Pelajar-Pelajar  
Dan Guru-Guru Cemerlang,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam,  
Tahun 1446H / 2024M

**Bayaran  
Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
25 Ramadan 1446H /  
26 Mac 2025M,  
tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.


**PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI**


IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# SENTIASA BERSYUKUR ATAS SEGALA NIKMAT DIBERIKAN ALLAH



**PEMANGKU** Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam, semasa menyerahkan cenderamata kepada penceramah jemputan.

**KATOK**, Selasa, 18 Mac. - Dalam sama-sama meraih keberkatan bulan Ramadan dan untuk menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup serta amalan harian sesuai dengan tema Sambutan Nuzul Al-Quran tahun ini, iaitu 'Akal Sihat Dengan Al-Quran', Jabatan Pengajian Islam (JPI) melalui Bahagian IRK (Islamic Religious Knowledge) menganjurkan Program Al-Ukhuwah Wal-Mahabah : Hubbul Quran (Mencintai Al-Quran) sempena

Nuzul Al-Quran yang diadakan di Surau Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ayop bin Haji Ghani.

Program berkenaan melibatkan seramai lebih 450 guru agama dari sekolah-sekolah rendah, menengah, kerajaan dan swasta

serta institusi teknikal dan vokasional seluruh negara. Turut hadir ialah para pegawai dari JPI.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Asmaul Husna diketuai oleh tenaga pengajar di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Awang Haji Shahmin bin Haji Akop / Haji Kula dan bacaan Doa sebelum membaca Al-Quran oleh Guru Penolong, (Institut Pendidikan Teknikal Brunei) IBTE Kampus Bisnes, Awang Shaifulbahri bin Haji Ahmad.

Seterusnya, bacaan Surah Ar-Rahman dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, JPI, KHEU, Pengiran Haji Md. Jeffry bin Pengiran Haji Ahmad, yang juga Ketua Guru Ugama dari Sekolah Rendah Tungku.

Acara diikuti dengan perkongsian inti pati Surah Ar-Rahman yang disampaikan oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Antara yang dikongsikan

**ANTARA** yang hadir di Program Al-Ukhuwah Wal-Mahabah : Hubbul Quran (Mencintai Al-Quran).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menyebut bahawa Surah Ar-Rahman yang merupakan surah ke-55 dalam Al-Quran, menggambarkan sifat Allah sebagai Ar-Rahman, iaitu 'Maha Pengasih', menerangkan tentang kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya, iaitu dengan memberikan nikmat-nikmat yang tidak terhingga baik di dunia mahupun di akhirat nanti.

Ayat yang diulang sebanyak 31 kali dalam surah ini adalah *Fabi Ayyi Ala I Rabbikuma Tukazziban* yang bermaksud 'Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?'. Ini mengingatkan kita untuk sentiasa bersyukur atas

segala nikmat yang diberikan Allah kepada kita.

Selain itu, Allah Subhanahu Wata'ala juga mengingatkan tentang Hari Kiamat di dalam surah berkenaan.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah jemputan dan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Guru Sekolah Bakti Dewa, Berakas, Awang Haji Mohd. Shaffie bin Haji Masri.

Program berkenaan diadakan juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga Bahagian IRK melalui aktiviti seumpama ini.





# MINDA PEMBACA

## Hargai khazanah alam semula jadi

**S**EJAK dahulu lagi, alam semula jadi merupakan khazanah yang tidak ternilai yang menjadi asas kehidupan di bumi. Hutan, lautan, sungai, gunung-ganang dan biodiversiti bukan sekadar pemandangan yang indah, tetapi sistem kompleks yang menyokong keseimbangan ekologi. Menghargai khazanah ini bukan sekadar tanggungjawab moral, tetapi juga bermaksud kewajipan melindungi warisan untuk generasi masa kini dan akan datang. Hal ini kerana kemusnahannya akan mengancam kelangsungan hidup semua makhluk.

Antara kepentingan khazanah alam semula jadi ialah alam menyediakan sumber asas seperti udara bersih, air

minuman, makanan dan bahan mentah untuk perubatan, perindustrian serta keperluan harian. Hutan hujan dan terumbu karang, misalnya, berperanan sebagai paru-paru bumi dengan menyerap karbon dioksida dan menghasilkan oksigen. Biodiversiti pula menjamin kestabilan ekosistem setiap spesies, daripada serangga hingga predator puncak.

Kegiatan manusia seperti pembalakan haram dan pencemaran plastik di lautan boleh merosakkan ekosistem dengan cepat. Tambahan pula, hakisan tanah akibat pembukaan hutan dapat menyebabkan banjir kilat, sementara pencemaran sungai boleh mengancam bekalan air bersih. Selain itu, impak perubahan iklim pula

menyebabkan pemanasan bumi, memutihkan terumbu karang dan mencairkan glasier. Begitu juga dengan eksploitasi berlebihan seperti penangkapan ikan menggunakan pukat haram juga turut mengancam kepupusan spesies marin.

Antara langkah - langkah pemuliharaan yang dapat dipraktikkan oleh setiap individu ialah dengan mengurangkan plastik, mengitar semula, menjimatkan air dan tenaga serta menyokong produk mesra alam. Penganjuran kempen kesedaran dan program penanaman pokok bakau di pesisir pantai mampu memulihkan ekosistem. Pelaksanaan undang-undang alam sekitar perlu diperkukuh dengan menguatkuasakan hukuman

berat terhadap aktiviti haram. Kerjasama global juga kritikal seperti Perjanjian Paris dan inisiatif seperti Earth Hour menunjukkan komitmen kolektif untuk mengurangkan jejak karbon.

Bak kata peribahasa Melayu, 'Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung', kita hendaklah menghormati alam yang memberi kita kehidupan. Setiap tindakan kecil seperti menanam pokok dapat menyumbang kepada perubahan yang besar. Marilah kita bersama-sama menjadi penjaga, bukan perosak, agar khazanah ini terus menghidupi bumi yang tercinta.

**Nama : Siti Nurhayati Munirah binti Haji Wahid**  
No. K/P : 01-113XXX



## Menangi BND75

SETIAP MINGGU

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana.' Tarikh Tutup : 19 Mac 2025
2. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025
3. 'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas  
 Bandar Seri Begawan, BB3510  
 Negara Brunei Darussalam.  
 atau melalui  
 E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

# Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# BANTU MENINGKATKAN KEBOLEHAN MEMBACA AL-QURAN

Oleh : Aimi Sani  
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 18 Mac. - Untuk terus mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan, Jawatankuasa Wanita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), di bawah payung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) hari

ini menganjurkan Majlis Tadarus Al-Quran Juzuk 17 sempena bulan Ramadan Tahun 2025.

Terdahulu, Pengarah Bahagian Wanita PGGMB, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar yang juga selaku Pengerusi Bahagian Keagamaan MWNBD dalam ucapannya berkata, penglibatan Ahli Jawatankuasa

Wanita PGGMB dalam pengendalian acara-acara keagamaan bukan hanya tertumpu kepada aktiviti yang dianjurkan oleh PGGMB sendiri, malahan juga membantu MWNBD untuk mengukuhkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun Jawatankuasa Bahagian Keagamaan.

Majlis Tadarus berkenaan katanya, akan diakhiri dengan Majlis Khatam Al-Quran MWNBD yang dijangka akan dianjurkan pada 22 Mac 2025 ini nanti.

Majlis yang berlangsung di Tingkat 5, Bangunan PGGMB berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh Naib Yang Di-Pertua I, MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah

Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Majlis seumpama berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan dalam bulan Ramadan yang dianjurkan oleh MWNBD dan turut disertai oleh 70 ahli persatuan di bawah payung MWNBD dalam sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan dengan tujuan semata-mata untuk mendekatkan diri dengan

Al-Quran di samping mendapatkan kerediaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam meraih pahala berlipat kali ganda.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kebolehan membaca Al-Quran dalam kalangan ahli dengan bertajwid serta fasih dan lancar di samping menyatupadukan dan menjalin silaturahim sesama persatuan dan ahli.



SEKITAR Majlis Tadarus Al-Quran Juzuk 17 sempena bulan Ramadan Tahun 2025 yang diadakan di Tingkat 5, Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) (kiri dan kanan).



## 84 terima sumbangan barangan asasi



SUASANA penyampaian sumbangan kepada para penerima pada aktiviti amal kali ke-15 anjuran Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**JALAN MUARA**, Isnin, 17 Mac. - Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd. hari ini melaksanakan penyampaian sumbangan kepada seramai 84 penerima yang merupakan mereka yang kurang berkemampuan yang menetap di kawasan sekitar berkenaan termasuk warga emas, anak yatim dan Orang Berkeperluan Khas.

Hadir pada majlis yang berlangsung di kawasan luar premis, di sini, ialah Ketua Kampung Kawasan 4 Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Mohamad Fazzly bin Haji Suhaili dan Pemangku Ketua Kampung

Sungai Hanching dan Salambigar, Awang Muhamad Sukairi bin Haji Abd. Rahman serta Pengerusi Teeyem Group, Haji Badurudeen dan Pengarah Urusan Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd., Anwar Ali.

Aktiviti amal ini merupakan kali ke-15 anjuran Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd. dan mereka melahirkan kegembiraan dan penghargaan untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik bersempena Ramadan dalam sama-sama mengharap ganjaran pahala pada bulan Al-Mubarak ini.

Pihaknya juga berharap adanya

sumbangan berupa barangan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, minuman tin dan sebagainya itu dapat meringankan sedikit beban mereka dalam menjalani kehidupan seharian dan bagi persiapan Hari Raya Aidilfitri menjelang nanti.

Pengurusan Pasar Raya Orbit Sdn. Bhd. berasa bertuah untuk memastikan Tanggungjawab Sosial Korporat mereka dapat dipenuhi setiap tahun dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan seterusnya merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua pelanggan kerana sentiasa menyokong pasar raya tersebut untuk semua keperluan membeli-belah mereka.

## BKSS anjur Majlis Tahliil

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Bulan Ramadan yang telah memasuki hari ke-16 terus disemarakkan dengan aktiviti-aktiviti amal terutamanya menghulurkan sumbangan kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam meraih ganjaran yang berlipat ganda.

Badan-badan korporat adalah antara yang aktif menceriakan golongan berkenaan terutamanya anak-anak yatim dalam bulan yang suci ini lebih-lebih lagi dengan kedatangan bulan Syawal.

Pada hari ini, Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sanang (BKSS) telah mengadakan Majlis Bertahlil dan Penyampaian Derma bagi Anak-anak Yatim warga koperasi berkenaan.

Hadir menyampaikan derma pada majlis yang berlangsung di Bilik Eksekutif, Bangunan Koperasi BKSS di Kantin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) itu ialah Pengerusi Lembaga Koperasi BKSS, Kementerian Kesihatan Berhad, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin.

Acara terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Doa Arwah dan tahliil sebelum diteruskan dengan Majlis Penyampaian Derma.

Antara tujuan acara itu adalah bagi membantu meringankan beban para penerima derma dalam menyemarakkan lagi kedatangan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang tidak lama lagi.



PENGERUSI Lembaga Koperasi, Koperasi Berkat Kerjakaras Semua Sanang (BKSS), Kementerian Kesihatan Berhad semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima pada majlis berkenaan.



SUMBANGAN derma tersebut telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**SENGKURONG**, Selasa, 18 Mac. - Seramai 33 anak yatim, 11 asnaf dan tiga ahli Biro Wanita Majlis Perundangan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' menerima sumbangan dalam bentuk wang ringgit dan barangan makanan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Anak-Anak Yatim dan Para Asnaf Kampung Sengkurong 'B' bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Hadir menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail, selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama, Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail, selaku Pengerusi MPK Sengkurong 'B'; Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad

Yassin; dan Timbalan Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'; Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan.

Sumbangan adalah hasil kutipan derma daripada ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan keluarga masing-masing.

Antara tujuan majlis sumbangan tersebut diadakan ialah untuk berbagi kebahagiaan dengan memberikan bingkisan Ramadan kepada mereka yang memerlukan, di samping dapat mendidik setiap ahli supaya sentiasa menyumbang dan menginfakkan harta mereka untuk membantu meringankan kesusahan saudara-saudara mereka yang seagama, sebangsa, dan senegara.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran sempena tadarus bulan Ramadan yang disertai oleh seramai 52 orang ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'.

Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa

# Sumbangan derma ringankan beban golongan memerlukan



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Tertinggi beserta ahli-ahlinya sebagaimana lazimnya pada setiap tahun mengadakan tadarus pada setiap bulan Ramadan, dan pada tahun ini tadarus telah bermula pada 2 Ramadan hingga 16 Ramadan 1446 Hijrah, bersamaan 3 Mac hingga 17 Mac 2025 Masihi, dan dijalankan di Balai Ibadat Baitul Mal, Kampung Selayun Sengkurong dan di rumah-rumah ahli.

Antara tujuan Majlis Khatam

Al-Quran diadakan ialah untuk menyemarakkan serta memeriahkan sambutan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran, selain untuk membudayakan ahli Biro Wanita cara hidup beragama serta menanamkan rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran serta tadarus secara

berkumpulan atau persendirian.

Di samping itu juga, untuk meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran.

Majlis juga diteruskan dengan membaca tahlil, doa arwah dan doa selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamaruzaman bin Haji Jakar, dan diakhiri dengan jamuan berbuka puasa.

# BERBAGI-BAGI REZEKI BERSAMA GOLONGAN MEMERLUKAN



**KILANAS**, Selasa, 18 Mac. - Kelebihan bulan Ramadan juga termasuk memupuk masyarakat prihatin tanpa mengenali perbezaan latar belakang mahupun bangsa dan ia hanyalah semata-mata dalam sama-sama berbagi rezeki lebih-lebih lagi golongan yang amat memerlukan kerana umat Islam merupakan saudara seagama.

Justeru itu, Pasar Raya TM Majeed hari ini menyampaikan sumbangan berbentuk barangan asasi keperluan harian kepada 80 penerima berlangsung di

kawasan luar premis berkenaan, di sini.

Pengagihan sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Pengurus Besar, Ferose Khan S/O Abdul Raooph dan juga Pengurus Korporat Teeyem Group, dan Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohamed Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid.

Awang Haji Mohamed Ameerolbahrynee berkesempatan menzahirkan penghargaan terima kasih kepada TM Majeed atas sifat pemedulian dan bantuan kepada para penduduk yang

SEKITAR majlis berkenaan yang diadakan di kawasan luar premis Pasar Raya TM Majeed (kiri dan kanan).

memerlukan dan seterusnya mendoakan maju jaya dalam perniagaan dan terus untuk menyumbang khidmat kebajikan sosial mereka.

Para penerima merupakan sebahagian keluarga yang terpilih dari Kampung Kilanas dan sekitarnya terdiri daripada mereka yang kurang berkemampuan, anak yatim dan juga ibu tunggal.

Sumbangan yang dihulurkan kira-kira bernilai BND65 merupakan satu guni beras, satu tin roti, minyak masak, satu kanton minuman tin, susu pekat, 'corn flakes' dan beberapa barang keperluan yang lain.

Acara amal berkenaan merupakan kali ke-17 diselenggarakan oleh TM Majeed saban tahun dalam bulan Al-Mubarak sebagai aktiviti kebajikan mereka bagi meringankan beban para penerima dalam menjalani hidup seharian terutama sekali meraikan lebaran Aidilfitri yang akan datang nanti.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia  
Sila muat turun

**PenggunaBijak**

Download on the App Store | Get it on Google play

# MENGIMARAHKAN BULAN RAMADAN DENGAN MELAKUKAN IBADAH

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Hal Ehwal  
Ugama



**PROGRAM** Berbuka Puasa dan Qiamullail bertujuan untuk melatih para pelajar supaya berdisiplin dalam melaksanakan amal ibadah sepanjang bulan Ramadan (atas kiri dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Sekolah Arab Belait telah mengadakan Program Berbuka Puasa dan Qiamullail yang disertai oleh seramai 60 Ahli Pasukan Pengakap Muda 3036 dan Pasukan Pandu Puteri Sekolah Arab Belait bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Antara pengisian program termasuk mendirikan secara berjemaah Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak, Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir, Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Sunat Tahajud dan Tadarus Al-Quran. Para pelajar juga berpeluang untuk menikmati iftar dan sahur secara beramai-ramai.

Qiamullail merupakan satu amalan yang digalakkan kepada umat Islam lebih-lebih lagi di bulan Ramadan. Ibadah tersebut dapat membentuk jiwa dan rohani yang lebih mantap.

Adapun objektif program diadakan ialah untuk mengimarahkan bulan Ramadan dengan melakukan ibadah yang digalakkan serta melatih para pelajar supaya berdisiplin terutama sekali dalam melaksanakan sembahyang di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pelajar dan juga mendedahkan para pelajar dengan cara kemahiran hidup di luar.

## Pupuk rasa tanggungjawab, saling tolong-menolong

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa dan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara, Kampung Mentiri



**PEMANGKU** Penghulu Mukim Mentiri semasa menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima.

**MENTIRI**, Isnin, 17 Mac. - Seramai 50 orang yang terdiri anak yatim, warga emas termasuk ibu tunggal menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Derma anjuran Ahli Jawatankuasa dan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri yang berlangsung di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma tersebut kepada penerima ialah Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidon bin Md. Daud.

Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julahi berharap sumbangan berkenaan akan membantu meringankan bebanan para penerima dalam membuat persiapan menyambut hari lebaran yang akan menjelang.

"Ia juga inisiatif Ahli Jawatankuasa (AJK) kampung ini untuk menjalinkan hubungan dan memupuk rasa tanggungjawab kepada mereka yang memerlukan di samping menjadi amalan dan budaya tolong-menolong dalam kalangan *kitani*," jelasnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan yang disertai oleh AJK Kampung berkenaan.

# Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Ayam Masak Kunyit Kampung Bunut

### BAHAN-BAHANNYA :

1 kilogram ayam  
4 - 5 sudu besar lada kisar  
8 ulas bawang putih  
5 biji bawang merah  
1 biji bawang besar  
2 inci halia  
2 inci kunyit hidup  
3 batang serai  
5 - 6 keping asam gelugor  
3 cawan air

1 - 2 cawan santan  
4 - 5 helai daun kunyit  
Perasa ayam secukup rasa  
Gula secukup rasa  
Garam secukup rasa  
Sedikit minyak makan

### CARA MEMASAK :

Kisar bawang putih, bawang merah, halia dan kunyit. Serai diketuk-ketuk. Ketepikan.

Panaskan minyak dan tumis serai bersama bahan kisar serta lada kisar sehingga pecah minyak. Masukkan air, asam gelugor dan daun kunyit biarkan mendidih sekejap kemudian masukkan ayam dan bahan-bahan perasa. Perlahankan api dan rebus sehingga ayam masak kemudian masukkan santan. Biarkan mendidih seketika. Siap untuk dihidang.

# ISTIQAAMAH, MURAJA'AH KUNCI KEJAYAAN PEMENANG MUSABAQAH

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Muhammad Haikal Al-Ghifari dan Hanin Mashlahah dari Indonesia diumumkan johan masing-masing bagi Kategori 30 Juz dan 10 Juz pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Kedua-dua remaja berusia 16 tahun itu menyatakan rasa syukur kerana berjaya membawa pulang hadiah kemenangan walaupun baharu pertama kali menyertai musabaqah menghafaz Al-Quran tersebut di luar negara.

Muhammad Haikal berkata, beliau cuma membuat persediaan selama dua bulan

**JOHAN Kategori 'B'**, Dayang Nur Abidah Bazilah binti Haji Rosmin dan **JOHAN Kategori 'D'**, Nur Kamaliah binti Haji Jahari (kanan dan kanan sekali).

sebelum menyertai musabaqah tersebut.

"Ibu saya yang banyak membantu mentasmik bacaan Al-Quran saya. Latihan hafazan ini saya lakukan setiap kali selepas sembahyang Subuh dan Maghrib juga selepas pulang dari sekolah," katanya ketika ditemui media.

Beliau menzahirkan harapan agar kejayaan beliau itu dapat memacu semangat orang lain untuk berkecimpung dalam bidang hafazan Al-Quran.

Sementara itu, Hanin Mashlahah berkata, kejayaan tersebut memberinya semangat



untuk meneruskan dan memantapkan lagi pembacaan serta hafazan Al-Quran.

"Bagi saya, menghafaz Al-Quran ini memerlukan istiqamah serta murajaah, dan sudah pasti kita perlu berikhtiar, berdoa dan bertawakal," katanya.

Istiqamah dan muraja'ah juga merupakan antara kunci kejayaan bagi para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.

Pemenang Kategori 'E' di tempat pertama, Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim berkata, tahun ini merupakan kali pertama beliau dinobatkan johan setelah 10 kali mengikuti musabaqah berkenaan.

"Hafazan Al-Quran ini memerlukan istiqamah dalam mengulang bacaan Al-Quran sekurang-kurangnya tiga hingga

lima juz sehari. Sebagai penghafaz Al-Quran juga, apa yang mesti dibuat adalah menjaga solat lima waktu dan sebaiknya mengamalkan bangun sebelum waktu subuh untuk menunaikan Sembahyang Tahajud."

Beliau juga menyarankan orang ramai yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang hafazan Al-Quran untuk sentiasa melengkapi diri dengan ilmu dan menghormati guru Al-Quran mereka.

Pemenang tempat pertama Kategori 'B', Dayang Nur Abidah Bazilah binti Haji Rosmin pula tidak menyangka akan dinobatkan johan kerana tahun ini merupakan kali pertama beliau memenangi musabaqah tersebut setelah tiga kali menyertainya.

"Amalan yang saya lakukan

adalah mengulang bacaan ayat-ayat Al-Quran berkenaan setiap hari dan juga membaca ayat-ayat yang ingin dihafaz itu dalam solat. Ini membantu hafazan saya kerana, sebagai umat Islam, memang kewajiban kita untuk mengerjakan solat lima waktu sehari. Saya juga meminta bantuan daripada guru dan kakak saya untuk memperdengarkan bacaan Al-Quran," katanya.

Teknik pengulangan bacaan Al-Quran ini turut diamalkan oleh pemenang tempat pertama Kategori 'D', Nur Kamaliah binti Haji Jahari, untuk mengukuhkan lagi hafazan.

"Selain mengulang bacaan al-Quran secara intensif setiap hari, saya juga membuat jadual bagi memudahkan saya mengatur masa dengan berkesan," katanya.

Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini turut menyarankan orang ramai terutama kepada para belia untuk mempelajari bacaan Al-Quran dengan bersungguh-sungguh daripada guru yang mahir dalam bidang Al-Quran.



**JOHAN Kategori 'E'**, Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim.



**JOHAN Kategori 10 Juz Peringkat Negara Anggota MABIMS**, Hanin Mashlahah.

## ALAI PINTAR

### SOALAN 145

SOALAN 19 MAC 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Antara nombor 2, 8, 9 dan 26, yang manakah nombor paling besar?
  - a) 9
  - b) 26
  - c) 2
2. Stadium Negara Hassanal Bolkiah terletak di daerah mana?
  - a) Daerah Tutong
  - b) Daerah Temburong
  - c) Daerah Brunei dan Muara
3. Cicak dikategorikan dalam kumpulan haiwan yang apa?
  - a) Mamalia
  - b) Reptilia
  - c) Amfibia

TARIKH TUTUP : 29 MAC 2025

**HADIAH PEMENANG**

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 144 :

Nama : Siti Nur Syifaa Alisha binti Md. Aikhram  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0130960-1. Sekolah : Sekolah Rendah Lumapas

Nama : Muhammad Qawi Zahirulhaq Amilin  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0140735-01. Sekolah : Sekolah Rendah Panchor Murai

Nama : Batrisya Mahirah Ahmad Jalani  
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0116524-01. Sekolah : Sekolah Rendah Katok 'B'

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 

<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;</li> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan</li> <li>- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.</li> </ul>
--	---
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....  
 Tarikh Lahir : .....  
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....  
 Sekolah : .....  
 Tahun : .....  
 Alamat : .....

Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 144

1. C - Lampu-lampu
2. A - 750
3. C - 1



## Weekend Suhoor bantu para peniaga jana pendapatan sempena Ramadan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**ERSAHUR di luar kini sudah menjadi satu trend bagi masyarakat di negara ini. Tempat-tempat yang menyediakan hidangan untuk bersahur juga tidak hanya terhad di kedai-kedai makan atau hotel. Bagi peniaga pula, kedatangan bulan mulia ini memberi peluang kepada mereka menambah rezeki dengan melanjutkan operasi perniagaan sehingga dinihari.

Salah satu acara yang diadakan dalam bulan Ramadan ini ialah Weekend Suhoor di Kontena Park di Anggerek Desa. Dengan meraikan semangat kebersamaan dan kemasyarakatan sepanjang bulan Ramadan yang mulia, acara yang penuh dengan kemeriahan itu menawarkan gabungan *street food* dan minuman moden dan klasik. Dianjurkan oleh The Saucy Side and The Gang (TSS & TG) Management, Weekend Suhoor diadakan setiap hujung minggu di bulan Ramadan iaitu setiap malam Sabtu dan Ahad, 8 hingga 9 Mac; 15 hingga 16 Mac; dan

22 hingga 23 Mac, bermula 9.00 malam hingga 2.00 pagi.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Pegawai Pemasaran TSS & TG Management, Awang Ashadi bin Haji Nasir mengongsikan, TSS & TG merupakan penganjur acara jualan makanan dan minuman dan ditubuhkan oleh tujuh peniaga makanan dan minuman termasuk beliau sendiri. Menurutnya, acara pertama yang pernah dianjurkan sebelum ini ialah Night Market Mentiri pada tahun lalu yang mana sebanyak 30 vendor telah menyertai acara tersebut. Bagi acara Weekend Suhoor ini pula lebih 40 vendor telah mengikut serta dengan pelbagai jenis jualan makanan dan minuman yang berbeza.

Menurut Awang Ashadi semasa minggu pertama Weekend Suhoor diadakan lahir rasa terharu kerana sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan dan tidak menyangka ramai yang berkunjung ke acara tersebut. "Alhamdulillah, ramai yang datang untuk acara kami, sekali gus membantu vendor tempatan untuk menjana pendapatan

mereka," jelas beliau lagi.

Menyentuh mengenai tempat yang dipilih iaitu Kontena Park, beliau menjelaskan, tempat tersebut sangat sesuai untuk mengadakan acara berkenaan kerana tempatnya yang luas, kemudahan seperti air dan elektrik juga disediakan, serta tempat letak kereta selain itu, bagi keselesaan pengunjung, tempat duduk juga disediakan di iCenter dan Kontena Park.

Menurutnya lagi, antara tujuan acara tersebut diadakan ialah sebagai sokongan untuk perniagaan kecil tempatan, di samping memberi peluang kepada perniagaan tempatan lain untuk mengambil bahagian, bukan sahaja mempromosikan budaya makanan Brunei yang kaya tetapi juga memupuk pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat.

Sementara itu, salah seorang vendor yang ditemui Pelita Brunei, Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Damit dari Foodeya mengongsikan, makanan yang dijual untuk acara tersebut ialah *fudgy brownies*, kek pisang, biskut coklat chips, dan kek yang

terlaris iaitu kek tarap. Tambahnya, walaupun baru pernah menyertai acara berkenaan, namun sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan.


Dayang Nurhudiya pada mulanya hanya membakar kek sebagai hobi dan *coping mechanism* untuk menghilangkan stres. Setelah mendapat maklum balas yang positif dari rakan-rakannya, beliau kemudian menjual kek-kek tersebut di kafe abangnya.

"Melalui acara Weekend Suhoor ini, saya berharap akan dapat memperkenalkan kek-kek saya kepada orang ramai," jelasnya lagi.

Beliau seterusnya menyarankan para beliau untuk tidak takut menceburi dalam acara-acara yang diadakan seperti ini, meskipun permulaannya hanya sebagai hobi tetapi ia mampu untuk menjana pendapatan di masa akan datang.

Bagi orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai acara-acara lain yang akan diadakan nanti bolehlah melayari [@tssteventmanagement](https://www.instagram.com/tssteventmanagement) di Instagram, TikTok dan Facebook.





# Al-Quran sebagai perlembagaan undang-undang Islam petunjuk kehidupan

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**  
**Ilustrasi : Seksyen Meja Reka Kreatif**

**N**UZUL Al-Quran adalah hari di mana seluruh umat Islam memperingati peristiwa Allah telah menurunkan ayat pertama Al-Quran kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Nuzul Al-Quran merujuk kepada peristiwa turunnya ayat Al-Quran pertama kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam Jumaat, 17 Ramadan di Gua Hira, Mekah iaitu tahun ke-41 keputeraan Baginda.

Bagi Negara Brunei Darussalam, Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah diadakan pada Isnin malam Selasa, 17 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 17 Mac 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Sementara tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446H ialah 'Akal Sihat Dengan Al-Quran' dan majlis pada tahun ini pula dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dan Imagine Sdn. Bhd.

Bersempena Nuzul Al-Quran yang disambut bertepatan dengan bulan penuh keberkatan ini iaitu bulan Ramadan yang mana kitab suci yang diturunkan pada bulan Ramadan itu mengandungi mesej yang sarat dengan petunjuk yang meluruskan perbezaan antara yang hak dan batil. Ia juga sebagai satu bentuk kesyukuran atas turunnya mukjizat Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi sumber kekuatan dan kejayaan umat kelak.

Al-Quran merupakan mukjizat paling besar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan telah menjadi panduan penting bagi umat Islam sepanjang zaman. Adalah diwajibkan bagi seluruh umat Islam beriman terhadapnya kerana ia termasuk di dalam Rukun Iman yang ketiga.

Nuzul Al-Quran adalah satu peristiwa besar yang berlaku dalam bulan Ramadan. Nuzul ertinya, kitab suci Al-Quran diturunkan. Kitab ini adalah 'kitab induk' untuk menjadi panduan bagi seluruh umat manusia. Kitab

agung ini juga diberi nama sebagai An-Nur, yang bererti cahaya yang menerangi, atau Al-Furqan, yang bererti kitab yang dapat memandu untuk membezakan antara hak dan batil atau Az-Zikr yang bermaksud kitab yang memberi peringatan.

## Mengagungkan Al-Quran

Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara beransur-ansur melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam selama 23 tahun, iaitu 13 tahun diturunkan di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Ayat yang mula-mula sekali diturunkan adalah lima ayat daripada Surah Al-Alaq.

Kita sedia maklum di mana Al-Quran diturunkan adalah sebagai 'hidayah' atau petunjuk yang lengkap bagi segenap aspek kehidupan, yang meliputi kehidupan di dunia membawa sehingga ke akhirat. Beriman dengan Al-Quran bermakna juga kita wajib mengamalkan segala ajarannya.

Al-Quran juga merupakan kitab Allah yang diwajibkan bagi seluruh umat Islam beriman terhadapnya, dan ia termasuk di dalam rukun iman yang ketiga. Membaca Al-Quran pula adalah antara ibadah yang dituntut untuk selalu kita amalkan.

Memperkatakan keagungan kitab suci Al-Quran, kita di negara ini telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu di dalamnya sebagai panduan, sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Baqarah ayat 2, tafsirnya : "*Itulah kitab (Al-Quran) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa*".

Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1445H / 2024M bertitah :

*"Al-Quran tidak diragukan lagi adalah kitab suci dan istimewa. Di dalamnya terdapat panduan yang lengkap lagi sempurna. Al-Quran mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia mahupun dengan Allah Ta'ala. Beta yakin jika, semua orang tunduk dan berpegang kepada Al-Quran, nescaya dunia ini akan aman*

*sejahtera.*

*Kerana itu Brunei Darussalam mesti komited dengan Al-Quran, memperkukuh pembacaan Al-Quran. Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan mesti menguatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, sentiasa memantau perkembangan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah hingga ke peringkat tinggi.*

*Beta berhasrat, semua anak Brunei adalah pandai membaca Al-Quran dengan bertajwid. Maka oleh itu, khidmat guru-guru adalah diperlukan untuk melutani pengajaran Al-Quran, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah yang belum berapa lancar membaca Al-Quran, di samping tidak mengabaikan juga pelajar-pelajar di sekolah menengah".*

Di negara kita Brunei Darussalam, Al-Quran terus diagungkan melalui pelbagai cara antaranya dengan mengadakan Musabaqah Al-Quran dalam pelbagai peringkat, yang setentunya bagi memberi peluang serta kebolehan mereka mengikutinya mengikut taraf kemampuan pembacaan masing-masing. Ini juga antara cara di dalam melahirkan generasi Al-Quran. Bahkan ibu bapa di negara ini juga semakin menyedari bahawa pentingnya mempelajari Al-Quran dari peringkat umur yang paling muda dan salah satu cara dengan menghantar anak-anak mereka ke Kelas Al-Quran sama ada di masjid-masjid, sekolah membaca Al-Quran atau malah ada yang mengupah guru persendirian untuk mengajar di rumah masing-masing. Ini juga antara lain cara yang dapat untuk kita selaku rakyat yang beragama Islam di dalam menaani titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mana baginda pernah bertitah :

*"Ke arah menjayakan gagasan ini, semua keluarga di negara ini perlulah memberikan perhatian yang serius terhadap pengajian Al-Quran bagi anak-anak. Tidak ada siapa yang patut berkecuali daripada tanggungjawab ini. Sesungguhnya tidak syak lagi keluarga yang hebat lagi bahagia itu ialah 'Keluarga Al-Quran'".*

## Al-Quran adalah mukjizat Rasulullah

Tidak keterlaluan jika kita definisikan Al-Quran itu sebagai perlembagaan

undang-undang Islam dan petunjuk hidup di jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 2, 3, 4 dan 5 yang tafsirnya : "*Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka inilah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang beruntung"*.

Al-Quran adalah antara mukjizat Rasulullah yang dapat dilihat sehingga ke hari ini. Sesungguhnya Al-Quran itu mengandungi syariat yang sempurna yang mencakupi kehidupan bermasyarakat mahupun individu itu sendiri.

Sebagai seorang Muslim kita sewajarnya berpegang teguh dengan kalimat Allah dan sunah Rasul-Nya dalam mencari petunjuk dan pedoman hidup di dunia dan di akhirat. Sungguhpun dunia ini berputar mengikut arus peredaran zaman, Al-Quran itu tetap unggul dan terpelihara dari penyelewengan dan pengubahsuaian sejak penurunannya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sehinggalah sekarang.

Jelaslah di sini bahawa Al-Quran itu tetap terpelihara dari segi isi kandungannya dan sesuai untuk dijadikan rujukan sepanjang zaman walaupun dalam mengharungi arus peredaran zaman yang kian canggih.

Sebagai kesimpulannya, kita selaku umat Islam hendaklah tidak akan meninggalkan atau menafikan Al-Quran terutama di bulan Ramadan yang mubarak ini, bulan turunnya Al-Quran. Hendaklah kita setiap orang yang beragama Islam membaca serta mengkaji nilai-nilai dan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam Al-Quran itu kerana semakin dibaca dan digali isi kandungannya maka semakin terbuka cahaya hidayah yang memberi panduan bagi kehidupan di dunia dan di akhirat makanya tidak wajar dan munasabah selaku umat Islam mencari petunjuk dari yang lain selain dari petunjuk Al-Quran.

## JIS TERSENARAI DALAM SPEAR'S SCHOOLS INDEX 2025



■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) amat berbangga tersenarai dalam Spear's Schools Index 2025, yang mengetengahkan 100 sekolah swasta terkemuka di dunia dan rantau Asia Pasifik.

Sebagai satu-satunya sekolah di Negara Brunei Darussalam menerima pengiktirafan ini, yang merupakan satu kejayaan membanggakan bagi JIS dan negara secara keseluruhannya. JIS ialah satu daripada hanya 10 sekolah dari rantau Asia Pasifik yang mendapat tempat dalam ranking 100 teratas, di samping sekolah berprestij di Singapura, Malaysia, Jepun, Hong Kong, serta Australia dan New Zealand.

Spear's Schools Index ialah kedudukan bebas sepenuhnya, dihasilkan dengan kerjasama Kumpulan Thuso. Proses pemilihan diawasi oleh Panel Penasihat Pakar pendidik

terkemuka antarabangsa. Panel ini, dipengerusikan bersama oleh Pengarah Urusan Thuso Group, Matthew Goldie-Scott dan Ketua Penyelidikan Spear's, Aisha Allime, penilaian sekolah berdasarkan pelbagai kriteria.

Indeks ini menilai sekolah bukan sahaja berdasarkan prestasi akademik tetapi juga pada penjagaan pastoral, nilai budaya dan reputasi keseluruhan mereka. Sekolah yang dipaparkan dalam indeks diiktiraf kerana keupayaan mereka untuk menyediakan pendidikan holistik bertaraf dunia.

Pengiktirafan ini mengesahkan komitmen sekolah untuk memberikan pendidikan cemerlang yang memupuk individu yang berpengetahuan luas. Di JIS, pendidikan melangkaui bidang akademik. Sekolah ini cemerlang dalam aktiviti tambahan dan kokurikulum, menawarkan pelajar peluang global untuk pertumbuhan

PRESTASI akademik dan komitmen pendidikan cemerlang memberikan pengiktirafan kepada Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dalam Spear's Schools Index 2025.

dalam sukan, muzik, drama, kepimpinan dan khidmat masyarakat.

Pendekatan holistik ini dicerminkan lagi atas pencapaian sekolah sebelum ini, termasuk Akreditasi Penaung COBIS (COBIS Patron's Accreditation), yang menjadikan JIS sekolah antarabangsa pertama di seluruh dunia yang menerima Status Beacon untuk 'Boarding Provision', 'Student Welfare' dan 'Extra-Curricular', 'Penggayaan dan Penglibatan'.

Selain itu, JIS juga diberi penghormatan dengan Anugerah Bendera Hijau Sekolah Eko Global atas komitmennya untuk memasukkan amalan mampan ke dalam kurikulum, sumber dan persekitaran sekolah.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan, mengulas, "Kami amat berbangga kerana diiktiraf antara sekolah swasta terkemuka dunia. Kedudukan ini mencerminkan komitmen pelajar, kakitangan dan komuniti sekolah kami untuk menyampaikan pendidikan bertaraf dunia yang memupuk kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan. Adalah satu penghormatan untuk mewakili Brunei di pentas antarabangsa ini dan kami tetap berdedikasi untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang memperkaya dan transformative untuk setiap pelajar di JIS."

## Pantau kebajikan pekerja, patuhi Perintah Akta Pekerjaan



SEKITAR Operasi Waspada 51 / 2025 dijalankan di Kampung Sungai Hanching (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 17 Mac. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 51 / 2025 di Kampung Sungai Hanching bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas rumah tempat tinggal pekerja asing bagi kegiatan pembinaan telah mendapati sebanyak sembilan kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 63, majikan tidak memberikan cuti rehat; Bab 64, bekerja pada hari rehat dan Bab 70, majikan gagal memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan.

Seterusnya, Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja, Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, Bab 80, gagal menyediakan tempat tinggal bersih yang mencukupi dan sempurna serta Bab 86, melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, tempat kegiatan dan tempat tinggal bukan di tempat yang diisytiharkan dan dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Manakala dua kesalahan di bawah Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan pekerja binaan melakukan pekerjaan sebagai penjaga landskap.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, menyediakan tempat tinggal pekerja yang bersih, pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan dan kegiatan hendaklah dijalankan selaras dengan kegiatan yang dibenarkan oleh Jabatan Buruh.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



## PGGMB hadiri Mesyuarat Ketua-ketua ACT+1

■ Berita dan Foto : Ihsan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei



SUASANA pada Persidangan The 39th ACT + 1 yang diadakan pada 19, 20 dan 21 September 2025 di Waterfront Hotel, Cebu, Republik Filipina.

**REPUBLIK FILIPINA**, Isnin, 17 Mac. - Mesyuarat Ketua-ketua ASEAN Council of Teachers + Korea (ACT+1) yang bersidang pada 15 Mac 2025 lalu telah bersetuju menetapkan untuk Persidangan The 39th ACT + 1, diadakan pada 19, 20 dan 21 September 2025 di Waterfront Hotel, Cebu, Republik Filipina.

Mesyuarat juga bersetuju memilih

tema Persidangan tahun 2025 ialah 'Educators : Humanizing Education Amidst Rapidly Changing Landscapes'. Beberapa Laporan 'Country Report' dan 'Parallel Session' juga akan diadakan dengan pelbagai tema yang ditetapkan bagi setiap Negara-negara ASEAN yang terlibat.

Dalam masa yang sama, mesyuarat juga telah menetapkan

keramaian delegasi keseluruhannya seramai 600 orang delegasi. Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei akan menghantar kira-kira 40 orang delegasi pada persidangan tersebut nanti.

Semoga persidangan ini akan dapat lagi memberikan manfaat yang berguna kepada guru-guru yang menghadiri persidangan tersebut.

## THAILAND CATAT PENURUNAN KETARA KES JENAYAH SIBER SELEPAS TINDAKAN TEGAS

**BANGKOK**, 18 Mac. - Tindakan tegas kerajaan Thailand berjaya memberi kesan besar terhadap rangkaian jenayah yang dijalankan penipuan pusat panggilan, dengan kes jenayah siber mencatatkan penurunan ketara sejak operasi penguatkuasaan diperhebatkan awal Februari.

Timbalan Perdana Menteri, Prasert Jantararungtong berkata bahawa selepas pelaksanaan tindakan seperti pemotongan bekalan elektrik, bahan api dan

sambungan internet di kawasan sempadan - lokasi utama operasi sindiket penipuan - jumlah kes jenayah siber di Thailand setakat ini menurun sebanyak 20 peratus, dengan 25,487 kes direkodkan sejak 5 Februari.

"Kes penipuan pusat panggilan, antara modus operandi paling mudah bagi penjenayah telah berkurang dengan ketara sebanyak 67 peratus," katanya dalam sidang media yang dipetik Xinhua.

Sebelum ini, lebih 1,000 kes

jenayah siber dilaporkan setiap hari, katanya.

Menurut data Pusat Operasi Anti-Penipuan Dalam Talian Thailand, kerugian kewangan akibat penipuan siber menurun sebanyak 200 juta baht (kira-kira AS\$5.95 juta) dalam tempoh sebulan yang lalu.

Perbandingan tahunan antara Januari dan Februari tahun ini dengan tempoh yang sama tahun lalu menunjukkan penurunan 30 peratus dalam jumlah kerugian kewangan keseluruhan khususnya

dalam penipuan akses jauh, pinjaman dan pelaburan.

Inspektor Kanan Jeneral Thatchai Pitaneelaboot berkata pihak berkuasa kini bekerjasama rapat dengan rakan sejawat di Kemboja dan Myanmar bagi memerangi rangkaian jenayah yang mengeksploitasi kawasan sempadan sebagai pangkalan operasi mereka, menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam membanteras sindiket penipuan rentas



sempadan.

Setakat ini, pihak berkuasa Thailand menahan 5,251 suspek yang dikaitkan dengan penipuan pusat panggilan.

Daripada jumlah itu, 3,533 telah dihantar pulang, manakala 1,718 masih dalam siasatan.

- ©BERNAMA

## Tiga polis Indonesia terbunuh ketika serbu judi sabung ayam

**JAKARTA**, 18 Mac. - Seramai tiga anggota polis Indonesia maut ketika melakukan serbuan ke atas pusat perjudian sabung ayam haram di daerah Way Kanan, wilayah Lampung, yang terletak di hujung selatan Pulau Sumatera.

Ketiga-tiga anggota ditembak oleh individu tidak dikenali pada malam Isnin ketika mereka berada di Kampung Karang Manik, mukim Negara Batin.

Menurut kenyataan polis, kesemua mangsa cedera parah akibat tembakan di kepala dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Mereka yang terkorban dikenal

pasti sebagai Ketua Polis Negara Batin Inspektor Lusiyanto, serta dua anggota dari Unit Siasatan Jenayah Way Kanan, Ketua Brigedier Petrus Apriyanto dan Brigedier Dua Ghalib Surya Ganta.

Jurucakap Polis Lampung, Komisioner Yuni Iswandari memaklumkan bahawa seramai 17 anggota dikerah ke lokasi terbabit selepas menerima laporan berhubung aktiviti perjudian haram.

"Ketika tiba di lokasi, pasukan kami diserang individu tidak dikenali, mengakibatkan tiga pegawai terkorban ketika menjalankan tugas," katanya.

Mayat mangsa kemudian

dihantar ke Hospital Polis Lampung untuk bedah siasat.

Yuni berkata, pegawai kanan Polis Lampung turun ke lokasi kejadian bagi mempercepatkan siasatan dan memburu pihak yang bertanggungjawab.

Sabung ayam masih berleluasa di beberapa kawasan di Indonesia, sering dikaitkan dengan rangkaian perjudian haram.

Pihak berkuasa kerap mengadakan operasi bagi membanteras kegiatan itu.

Indonesia menguatkuasakan undang-undang ketat terhadap perjudian, dengan Artikel 303 Kanun Jenayah menetapkan hukuman berat terhadap mereka yang terlibat dalam penganjuran atau penyertaan aktiviti itu. - ©BERNAMA

## Forum Perniagaan Rusia-Indonesia pada April perkukuh hubungan ekonomi

**JAKARTA**, 17 Mac. - Forum Perniagaan Rusia-Indonesia yang dijadual berlangsung bulan depan di Jakarta akan menjadi platform untuk mengukuhkan hubungan perniagaan dan meningkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan, penganjur bersama acara itu, Yayasan Roscongress dan Dewan Perniagaan dan Industri Indonesia (KADIN) mengumumkan bahawa forum selama dua hari itu akan berlangsung serentak dengan Mesyuarat Ke-13 Suruhanjaya Bersama Perdagangan, Ekonomi dan Kerjasama Teknikal yang bermula pada 14 April.

Forum itu akan merangkumi pelbagai topik, termasuk perdagangan dan eksport, tenaga, perlombongan, pengangkutan dan logistik, pendigitalan, teknologi canggih, kompleks agroindustri, industri halal, sektor kreatif, pelancongan serta sains dan pendidikan.

Forum berkenaan juga akan meneroka dialog yang semakin berkembang antara Kesatuan Ekonomi Eurasia (EAEU) dan ASEAN, menurut penganjur bersama acara itu.

"Kami juga berada di ambang menandatangani perjanjian mengenai zon perdagangan bebas antara Kesatuan Ekonomi

Eurasia dan Indonesia," kata Penasihat Presiden Rusia, Anton Kobayakov.

Beliau menekankan bahawa tahun 2025 akan menandakan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik antara Rusia dan Indonesia.

Kobayakov turut menyatakan bahawa sokongan Rusia terhadap penyertaan Indonesia dalam kumpulan BRICS menggariskan kerjasama yang semakin erat antara kedua-dua negara.

BRICS, gabungan lima ekonomi utama yang sedang pesat membangun iaitu Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan, mewakili kuasa penting dalam hal ehwal ekonomi dan politik global.

- ©BERNAMA

## Sarjana India terbitkan terjemahan baharu Al-Quran dalam bahasa Inggeris

**NEW DELHI**, 18 Mac. - Sarjana India menerbitkan terjemahan baharu Al-Quran dalam bahasa Inggeris dengan matlamat menyampaikan mesej Al-Quran sebagaimana yang difahami oleh generasi terawal Islam.

Zafarul Islam Khan, 77, seorang sarjana lulusan Universiti Al-Azhar mengambil masa kira-kira 12 tahun untuk menyiapkan karya terbabit, dengan tempoh tiga tahun terakhir (2020-2023) yang intensif.

Mendapat pendidikan di India, Mesir dan Britain, beliau fasih dalam bahasa Urdu, Arab dan Inggeris serta telah menulis dan menterjemah puluhan buku dalam ketiga-tiga bahasa.

Sebelum itu, beliau pernah bertugas sebagai editor-penterjemah di Kementerian Luar Libya selama enam tahun.

Pemegang PhD dalam Pengajian Islam dari Universiti Manchester ini juga merupakan fellow penyelidik di The Muslim Institute, London (1979-1992).

Beliau membuat keputusan untuk menyemak semula terjemahan popular Al-Quran oleh Abdullah Yusuf Ali semasa menunaikan haji bersama isteri pada 2010.

"Terjemahan dalam bahasa yang mudah difahami amat diperlukan. Saya memulakan semakan pertama pada Januari 2011 dan menyiapkannya pada Ogos 2012," katanya kepada Bernama.

Namun, dengan semakin lanjut serta masalah teknikal seperti kerosakan cakera keras komputer menyebabkan kelewatan yang tidak dijangka.

Dalam tempoh itu, Zafarul Islam mengimbangi pelbagai komitmen sosial, pendidikan, akademik dan kemasyarakatan.

Selepas bersara daripada tugas rasmi, beliau menumpukan sepenuh perhatian kepada projek itu dan berjaya menyiapkan semakan semula yang menyeluruh dalam tempoh setahun.

Manuskripnya kemudian dihantar secara berperingkat kepada 70 sarjana Islam dan profesor bahasa Arab di seluruh dunia untuk dinilai.

Beliau membentangkan naskhah yang telah diterbitkan dalam satu majlis di Pusat Kebudayaan Islam India, New Delhi, yang turut dihadiri para sarjana agama dan profesor bahasa Arab.

"Matlamat saya menerbitkan terjemahan ini adalah untuk

memahami dan menyampaikan Al-Quran sebagaimana yang difahami oleh generasi terawal Islam. Tidak seperti kebanyakan tafsir lama dan baharu, saya tidak cuba memaksa atau membuktikan sebarang idea yang telah sedia ada dalam pemikiran saya. Saya bergantung kepada sumber tafsir dan kamus Arab yang tertua serta paling berwibawa," jelasnya.

Zafarul Islam menerbitkan terjemahannya dalam dua edisi - satu yang mengandungi teks Arab dan satu lagi dalam bahasa Inggeris sahaja.

Kedua-dua edisi itu turut memuatkan perbincangan mengenai pelbagai tema dalam Al-Quran, ringkasan kehidupan Nabi Muhammad, penjelasan istilah Islam dan konteksnya, serta indeks.

Beliau yakin terjemahan itu akan memberi manfaat besar kepada mereka yang bergantung pada bahasa Inggeris untuk mempelajari Al-Quran dan Islam.

Projek seterusnya ialah menerbitkan indeks subjek Al-Quran yang merangkumi pelbagai istilah, idea, peristiwa, nama, masyarakat purba, serta tempat-tempat yang disebut dalam kitab suci itu.

- ©BERNAMA

## Salji lebat tidak bermusim ganggu lalu lintas waktu puncak di Seoul

**SEOUL**, 18 Mac. - Salji lebat tidak bermusim melanda Seoul dan kawasan tengah awal pagi Selasa, mengganggu lalu lintas pada waktu puncak di seluruh kawasan ibu negara, lapor Agensi Berita Yonhap.

Di tengah-tengah nasihat salji lebat yang tidak dijangka yang dikeluarkan pada hari sebelumnya, Seoul telah menerima 11.9 sentimeter (sm) salji pada 8.20 pagi, berbanding 13.8sm di Uijeongbu, Wilayah Gyeonggi dan 19.9sm di Goseong, Wilayah Gangwon, menurut Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA).

Ia dipercayai merupakan nasihat salji lebat yang paling lewat pernah dikeluarkan di Seoul.

Kesesakan lalu lintas berlaku di pelbagai bahagian di Seoul apabila kereta perlahan di jalan licin.

Purata kelajuan lalu lintas di tengah Seoul jatuh kepada 17.9 kilometer sejam setakat 7 pagi, menurut kerajaan bandar Seoul.

Salji itu turut menyebabkan banyak kemalangan dan pelanggaran antara kenderaan di sekitar ibu negara akibat jalan yang diseliputi ais.

Di Ansan, selatan Seoul, seorang lelaki Uzbekistan berusia 20an maut dalam kemalangan kenderaan tunggal pada awal pagi Selasa, apabila keretanya merempuh pembahagi jalan akibat jalan yang licin.

Penerbangan juga terjejas, dengan empat penerbangan dijadualkan berlepas dari Gimpo, Pulau Jeju, Yeosu, dan Wonju dibatalkan kerana angin kencang dan proses penyahaisan pesawat, menurut Korea Airports Corp. Lima penerbangan lain ditangguhkan setakat 8 pagi.

Di Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon, pintu masuk utama Korea Selatan, lima penerbangan ditangguhkan, tetapi tiada satu pun dibatalkan setakat 8 pagi, menurut pengendalinya.

Bagi mengurangkan waktu puncak pagi, Korea Railroad Corp. berkata ia telah menambah 14 perkhidmatan kereta api pada laluan kereta api bawah tanah di ibu negara.

Seorang pekerja syarikat, bernama Lee, 28, yang berulang-alik dari Seongnam, Wilayah Gyeonggi, ke Yeouido di barat Seoul, berkata kesesakan pada waktu pagi sangat ketara kerana ramai orang yang menggunakan kereta api bawah tanah itu.

Menurut KMA, salji dijangka berhenti turun di seluruh negara pada lewat Selasa. - ©BERNAMA

## Saintis China reka robot berinspirasi serangga untuk perlombongan angkasa lepas

**NANJING**, 17 Mac. - Sekumpulan saintis China mencipta robot perlombongan angkasa lepas berkaki enam yang diinspirasi daripada serangga, yang berpotensi digunakan untuk penerokaan dan perlombongan di bulan atau asteroid pada masa hadapan, lapor Xinhua.

Berbeza dengan penggerudian di bumi, operasi menembusi permukaan bulan, iaitu graviti hanya satu per enam daripada bumi, atau asteroid yang mempunyai graviti rendah, menimbulkan cabaran besar.

Penyelidik dari Universiti Perlombongan dan Teknologi China (CUMT) mendapat inspirasi daripada pergerakan serangga, dinamik pendakian burung belatuk dan teknik origami untuk mereka bentuk robot bionik inovatif untuk penerokaan asteroid.

"Robot itu menampilkan struktur cakar-duri berangkai yang meningkatkan keupayaannya untuk melekap dan mencengkam dalam persekitaran mikrograviti," kata Liu Xinhua, ketua pasukan penyelidik dari CUMT.

Robot itu dilengkapi dengan tiga kaki roda dan tiga kaki cakar. Roda digunakan untuk bergerak di permukaan asteroid yang agak rata, manakala struktur cangkuknya membolehkan ia beroperasi di kawasan berbatu dan tanah berpasir yang longgar.

Roda robot diperbuat daripada aloi memori titanium berasaskan nikel, membolehkannya kembali kepada bentuk asal dengan cepat selepas menerima tekanan luaran. Reka bentuk ini dijangka mampu menahan perubahan suhu ekstrem dan radiasi di angkasa dengan berkesan.

Pasukan penyelidik turut membina tapak ujian khusus yang meniru tanah berpasir asteroid berhampiran bumi dan menggunakan sistem penggantungan untuk meniru keadaan mikrograviti.

Pasukan penyelidik sudah memohon paten untuk prototaip robot perlombongan angkasa lepas ini.

China merancang untuk melancarkan prob Chang'e-7 sekitar 2026 untuk menjau kutub selatan bulan. Chang'e-8, yang ditetapkan untuk pelancaran sekitar 2028, akan menjalankan eksperimen penggunaan sumber di bulan. Bersama Chang'e-7, ia akan membentuk model asas stesen penyelidikan bulan antarabangsa menjelang 2035.

- ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## MUHAMMAD RAFIQ MUNCUL NAIB JUARA DI NEVADA

**KUALA LUMPUR, 18 Mac.** - Jaguh boling negara, Muhammad Rafiq Ismail hampir melakar sejarah menjadi wakil negara pertama memenangi Jelajah Professional Bowlers Association (PBA) di Amerika Syarikat pada Ahad lepas.

Ini selepas Muhammad Rafiq muncul naib juara PBA Scorpion Championship apabila tumpas di tangan Rasmus Edvall dari Sweden 224-172 pada aksi final *stepladder* yang berlangsung di National Bowling Stadium di Reno, Nevada.

Keputusan tersebut menyaksikan Edvall berjaya membalas dendam susulan kekalahan dialami kepada bekas juara dunia 2018 itu di peringkat penyingkiran 3-0 (228-176, 251-164, 259-183).

Terdahulu, kemenangan di peringkat penyingkiran itu membolehkan Muhammad Rafiq mara ke final *stepladder* sebagai

pilihan utama manakala pencabar lain yang tewas terpaksa mengharungi beberapa lagi perlawanan sebelum bertemu wakil Malaysia tersebut.

Pencapaian atlet berusia 27 tahun itu sekali gus menyaksikannya memperbaiki kedudukan ketiga yang pernah diraihinya di kejohanan Greater Jonesboro Open 2018, yang juga merupakan pencapaian terbaik buat pemain boling Malaysia pada Jelajah PBA sebelum ini.

Setiausaha Agung Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC) Maradona Chok ketika dihubungi berkata pihaknya amat bangga dengan kejayaan dicatat pemain dari Selangor itu.

"Sayang beliau tidak menang namun ia tetap satu pencapaian yang hebat buat Muhammad Rafiq," katanya. - ©BERNAMA

## Tidak mustahil Sri Pahang mampu cipta magis final Piala Malaysia – Zainal Abidin

**PETALING JAYA, 18 Mac.** - Pasukan Sri Pahang FC mampu melakar kejutan terhadap juara bertahan Johor Darul Ta'zim (JDT) pada aksi final Piala Malaysia 2024-2025 yang dijadualkan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 12 April ini.

Bekas pengendali skuad Tok Gajah, Datuk Zainal Abidin Hassan berkata prestasi pasukan dari Pantai Timur itu amat menyerlah pada kempen Piala Malaysia kali ini selain menjangkakan pasukan bimbingan Fandi Ahmad itu akan bermain tanpa tekanan menentang gergasi bola sepak tanah air itu nanti.

"Memang kita tidak nafikan kekuatan yang ada pada JDT, tetapi saya rasa Pahang akan memberi saingan yang baik dan sengit pada perlawanan akhir.

Bola itu bulat, kita pernah lihat banyak elemen kejutan berlaku, memanglah JDT tidak mahu apa yang terjadi pada final 2014 berulang kembali dan mereka akan lebih berhati-hati. Bagi Sri Pahang, mereka tetap akan buat kejutan dan ia peluang pemain untuk menyinar pada final," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis terbuka puasa bersama media anjuran Liga Bolasepak Malaysia (MFL) di sinimalam tadi.

Kali terakhir Sri Pahang menjulang Piala Malaysia adalah pada 2014 ketika berada di bawah kendalian Zainal Abidin dengan menewaskan JDT 5-3 menerusi penentuan sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2.

Juara empat kali itu menamatkan penantian lebih sedekad mara ke pentas final saingan berprestij bola sepak tempatan dengan menundukkan Sabah FC 3-2 secara agregat manakala JDT pula mudah mengetepikan cabaran Terengganu FC 6-1 secara agregat.

Sementara itu, legenda bola sepak negara berkenaan berharap agar spekulasi ketiadaan Sri Pahang pada Liga Super musim depan tidak menjejaskan fokus para pemain menjelang perlawanan akhir Piala Malaysia kali ini.

Beliau berkata kancah bola sepak tempatan akan mengalami satu kerugian besar seandainya pasukan lamanya tidak beraksi pada Liga Super 2025-2026.

"Bagi saya, pemain-pemain perlu fokus mengenai final, tentang agenda lain biarlah pihak pengurusan menjalankan tugas mereka dan kita berdoa kerana Pahang ialah pasukan elit selain perlu berada di saingan kancah bola sepak Malaysia," katanya.

Minggu lepas, Pemangku Sultan Johor, Tunku Mahkota Ismail dalam satu sesi soal jawab bersama penyokong JDT berkata pasukan Sri Pahang dan Kedah Darul Aman FC berkemungkinan besar tidak akan beraksi dalam saingan Liga Super musim depan.

Tunku Mahkota Ismail menjelaskan bahawa masalah ini berpunca daripada pengurusan kewangan yang tidak cekap apabila perbelanjaan melebihi pendapatan yang diperolehi. - ©BERNAMA

## Status jumlah pasukan Liga Super 2025-2026 selepas 30 April – MFL

**PETALING JAYA, 18 Mac.** - Status penyertaan jumlah pasukan terlibat pada saingan Liga Super musim depan hanya akan diketahui selepas 30 April ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Liga Bolasepak Malaysia (MFL) Mohd. Shazli Shaik Mohd. berkata First Instance Body (FIB) akan bermesyuarat bagi memutuskan jumlah pasukan yang layak mendapat Lesen Kebangsaan sekali gus beraksi pada Liga Super 2025-2026.

Mohd Shazli berkata pihaknya sentiasa berhubung dengan pasukan terlibat termasuk kelab yang dibelenggu dengan masalah kewangan bagi memastikan mereka dapat melengkapkan dokumen diperlukan sebelum memuat naik ke dalam sistem pelesenan kelab.

"Saya rasa kita masih optimis bahawa mana-mana pasukan yang sedia ada, mampu kekal dan mampu komited dengan pelesenan kelab.

Setakat ini menerusi sesi-sesi pertemuan, nampaknya sangat positif. Saya rasa dalam sebulan lebih, kelab-kelab harus bekerja keras untuk memastikan perkara-perkara melibatkan pelesenan dapat dipenuhi sebelum berakhir 30 April," katanya ketika ditemui pada majlis terbuka puasa MFL bersama media di sini malam tadi.

Minggu lepas, Pemangku Sultan Johor Tunku Mahkota Ismail dalam satu sesi soal jawab bersama penyokong Johor Darul Ta'zim (JDT) berkata pasukan Sri Pahang FC dan Kedah Darul Aman (KDA) FC berkemungkinan besar tidak akan beraksi dalam saingan Liga Super musim depan.

Tunku Mahkota Ismail menjelaskan bahawa masalah terbabit berpunca daripada pengurusan kewangan yang tidak cekap apabila perbelanjaan melebihi pendapatan yang diperolehi.

Ditanya mengenai spekulasi Brunei

DPMM akan kembali ke kancah Liga Super, Mohd. Shazli berkata sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Brunei DPMM yang beraksi pada Liga Perdana Singapura pernah bersaing dalam Liga Super dengan pencapaian mereka hadir bagimusim 2005/2006 selepas menamatkan kempen pada kedudukan ketiga.

Mohd. Shazli pada masa sama juga berkata MFL terbuka menerima penyertaan pasukan jempunan dari negara luar untuk mewarnai saingan bola sepak tempatan, namun perlu mengambil kira kelulusan daripada Persekutuan Bola Sepak

Antarabangsa (FIFA) terlebih dahulu.

"Sudah tentu kita terbuka, tetapi kita perlu mengambil kira juga bila liga akan bermula dan bila liga di negara berkenaan berakhir. Kita tidak ada masalah selagi kita mendapat sokongan daripada FAM (Persatuan Bolasepak Malaysia) diikuti kelulusan daripada AFC dan seterusnya dibawa ke FIFA," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata status permohonan lesen Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) oleh juara bertahan Liga Super JDT, Selangor FC, Sabah FC, Penang FC, KDA dan Terengganu FC hanya akan diketahui selepas bulan ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

EQ (KECERDASAN EMOSI) MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM KEHIDUPAN